**Warta Hutan Simpan Ulu Muda** MS 15

**Dasar pekerja tempatan laksana 3D MPSP kekal** MS 25



PERCUMA

# buletin Mutiara

Cekap Akauntabel Telus

www.buletinmutiara.com

16 – 31 JULAI, 2016

http:www.facebook.com/buletinmutiara
http:www.facebook.com/cmlimguaneng

# KN sumbang RM3 juta untuk pemajuan Masjid Umar Abdul Aziz

Oleh : **NORSHAHIDA YUSOFF**
Gambar : **LAW SUUN TING**

**BATU MAUNG** – Kerajaan Negeri baru-baru ini menyumbang RM3 juta untuk pemajuan Masjid Umar Abdul Aziz, manakala baki kira-kira RM1.01 juta lagi adalah daripada dana tabung masjid, wakaf serta sumbangan orang ramai.

Yang di-Pertua Negeri (TYT), Tun Dr. Abdul Rahman Abbas yang menyempurnakan Majlis Perasmian Pembukaan Masjid Umar Abdul Aziz atau nama asalnya adalah Masjid Jamek Batu Maung pada 19 Jun lalu.

Mengulas lanjut, **Exco Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato' Abdul Malik Abul Kassim memberitahu, Kerajaan Negeri Pakatan Harapan Pulau Pinang akan terus memperkasakan institusi masjid ke arah agenda memartabatkan umat Islam di negeri ini.**

**"Sebenarnya, sejak berpuluh tahun, anak-anak kariah Batu Maung berhasrat untuk beribadah di masjid baru bagi menggantikan masjid lama yang telah uzur, namun, hasrat mereka telah terbantut, walaupun tiga Perdana Menteri telah berjanji untuk menggantikan semula masjid lama.**

**"Kerajaan Negeri hari ini senantiasa mencari jalan untuk memartabatkan umat dengan menjadikan Islam sebagai rahmat ke seluruh alam.**

**"Kerajaan Negeri komited mahu melihat institusi masjid bukan sahaja perlu tersergam indah dari segi fizikalnya, tetapi ia perlu terkehadapan dari segi pengimarahannya... dengan memperkenalkan kaedah pelantikan jawatankuasa kariah melalui mesyuarat agung, mewujudkan konsep masjid madani dengan menubuhkan 11 buah masjid madani dan mengadakan kaedah penarafan surau dan masjid,"** katanya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Batu Maung.

Hasil daripada usaha Kerajaan Negeri sejak tahun 2008, katanya, Masjid At-Taqwa dekat Taman Bertam Indah baru-baru ini muncul sebagai penerima Anugerah Masjid Malaysia (AMM), pada kedudukan ke-3 masjid terbaik di negara ini.

Tambah Abdul Malik, Masjid Negeri, Masjid Abdullah Fahim dan Masjid At-Taqwa masing-masing turut menerima anugerah Sijil Amalan Persekitaran Berkualiti (QE) daripada Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC).

"Sebelum ini pun, Kerajaan Negeri meluluskan peruntukan RM15 juta untuk pembinaan Pusat Pendidikan Islam Al-Itqan di Teluk Kumbar...menyumbang sebidang tanah kepada Yayasan Islam Pulau Pinang (YIPP) bagi membina Sekolah Islam Antarabangsa dekat Sungai Ara dan Hospital Islam di tanah wakaf dekat Bayan Baru," jelasnya sambil menyanggah dakwaan pihak pembangkang yang menggambarkan Kerajaan Negeri hari ini anti Islam dan anti Melayu di Pulau Pinang.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng, Dato' Mohd. Rashid Hasnon (Timbalan Ketua Menteri I merangkap ADUN Pantai Jerejak), Sim Tze Tzin (Ahli Parlimen Bayan Baru) dan Sohibus Samahah Dato' Dr. Wan Salim Wan Mohd. Noor (Mufti Negeri Pulau Pinang) turut sertai majlis perasmian dan pemasyhuran masjid itu.

Hadir sama, Mufti Negeri Perlis, Prof. Madya Datuk Dr. Mohd. Asri Zainul Abidin.



**DR. Abdul Rahman Abbas (barisan depan, empat dari kanan) diiringi Ketua Menteri, Mohd. Rashid Hasnon (tiga dari kiri), Abdul Malik Abul Kassim (barisan depan, tiga dari kanan) dan barisan kepimpinan Kerajaan Negeri menyempurnakan Majlis Perasmian Masjid Umar Abdul Aziz di sini baru-baru ini.**

**Fakta:**

- **Bekas Ketua Pembangkang Parlimen Malaysia merangkap bekas Ahli Parlimen Permatang Pauh, Datuk Seri Anwar Ibrahim menyempurnakan majlis pecah tanah projek pemajuan Masjid Umar Abdul Aziz pada 22 Jun 2014.**
- **Projek pemajuan yang menelan belanja keseluruhan berjumlah RM 4,012,060.73 itu siap pada 16 Jun lalu, dengan rekabentuk rumah tradisional Melayu serta dikenali sebagai masjid pertama yang mempunyai menara berbentuk rehal serta mercu unik berbanding masjid-masjid lain di negeri ini.**
- **Masjid baharu itu mampu menampung 1,500 jemaah dalam satu-satu masa, dilengkapi dengan pelbagai kemudahan seperti bilik mesyuarat, bilik imam dan bilik tetamu, bilik air mesra orang kurang upaya (OKU).**
- **Dinamakan sebagai Masjid Umar Abdul Aziz, sempena mengenang ketokohan seorang khalifah yang melaksanakan tadbir urus integriti dan kesederhanaan tulen dalam era keemasan Kerajaan Islam Bani Umaiyah, hingga menjadi sumber inspirasi bagi Kerajaan Negeri Pakatan Harapan Pulau Pinang pada hari ini.**




**RUPA bentuk Masjid Umar Abdul Aziz.**

# Sistem 'pusingan kerja' semarak integriti penjawat awam

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar : **AHMAD ADIL MUHAMAD**

**GEORGE TOWN –** Sistem 'pusingan kerja' yang dilaksanakan dengan seseorang penjawat awam tidak ditempatkan di satu-satu jabatan dalam tempoh masa lama diharap menyemarakkan lagi budaya integriti dalam Kerajaan Negeri Pakatan Harapan Pulau Pinang hari ini

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng memberi amanat itu dalam Majlis Perhimpunan Anggota Perkhidmatan Awam Negeri Bersama Ketua Menteri di sini baru-baru ini.

"Marilah kita sama-sama menyemai nilai-nilai murni dan berintegriti dalam usaha memerangi gejala rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa dengan lebih agresif ke arah sebuah negeri yang cemerlang serta bertaraf antarabangsa," katanya yang juga Exco Hal Ehwal Tanah & Pembangunan Tanah, Penerangan, Kebudayaan & Kesenian, Warisan dan Hal Ehwal Bukan Islam pada majlis berkaitan.

Mengulas lanjut, Guan Eng memberitahu, Kerajaan Negeri saban tahun sejak 2008 berjaya mencatatkan lebihan kewangan kerana mengamalkan tadbir urus kewangan secara bersih dan anti rasuah.

"Kerajaan Negeri tetap mencatatkan lebihan kewangan (surplas) sungguhpun tidak mengenakan (Cukai Barangan & Perkhidmatan) GST (sejak 1 April 2015) untuk perkhidmatan-perkhidmatan yang ditawarkan untuk rakyat," ujarnya.

Setiausaha Kerajaan Negeri, Dato' Seri Farizan Darus dalam pada itu turut menyampaikan ucapan pada majlis perhimpunan tersebut, sebelum itu.

Hampir semua Exco Kerajaan Negeri menyertai majlis perhimpunan itu.

Farizan pada sidang media kemudiannya memberitahu, seramai 15 penjawat awam yang akan dipilih melalui sistem 'pusingan kerja' berkaitan bukan membawa maksud bahawa mereka terbabit dalam sebarang kes pelanggaran peraturan atau penyelewengan kewangan.

"Kumpulan ini, jika individu sama dan bekerja di jabatan sama terlalu lama, kita (pentadbiran Kerajaan Negeri) bimbang dengan integriti serta mutu perkhidmatan mereka.

"Pertukaran ini tidak melibatkan apa-apa kesalahan yang mereka lakukan, ia hanya pertukaran biasa.

"Kalau seseorang penjawat awam itu mempunyai kepakaran dalam tadbir urus kewangan, beliau kekal menguruskan hal ehwal kewangan, cuba (ditukar) dari Jabatan A ke Jabatan B," jelasnya kepada pemberita.

Farizan memberitahu, rekod terbaru Kerajaan Negeri menunjukkan bahawa seramai 12 penjawat awam dibuang kerja atas pelbagai masalah disiplin seperti ponteng kerja dan kerap lewat datang ke pejabat, tetapi tiada kes membabitkan penyelewengan kewangan atau rasuah.

"Setakat ini, salah laku membabitkan kewangan belum ada lagi, sebab itu Laporan Tahunan kita (Kerajaan Negeri) dipuji, kalau ada kes rasuah tentu akan ganggu integriti," jelas beliau.




FARIZAN Darus (lima dari kiri) bergambar kenangan dengan kakitangan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri sambil menunjukkan replika cek bayaran bonus raya yang disampaikan pada Majlis Perhimpunan Anggota Perkhidmatan Awam Negeri Bersama Ketua Menteri di sini baru-baru ini.



KETUA Menteri menyerahkan sumbangan kepada Ustaz Subri Arshad (empat dari kanan) sambil diperhatikan oleh barisan kepimpinan Kerajaan Negeri baru-baru ini.

# Exco Agama kesal kenyataan bernada politik Mufti Pahang

**GEORGE TOWN –** Exco Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato' Abdul Malik Abul Kassim melahirkan rasa kesal dengan kenyataan Mufti Pahang, Datuk Seri Dr. Abdul Rahman Osman yang disifatkan mengelirukan masyarakat Islam di negara ini.

Menurut Abdul Malik, tindakan Dr. Abdul Rahman itu tidak memperlihatkan dirinya sebagai seorang mufti.

"Seorang mufti, jikalau hendak menyampaikan sesuatu sama ada hukum dan sebagainya, perlu mempunyai asas yang kukuh.

"Namun, kenyataan beliau dalam Utusan Online itu seolah-olah mempunyai nada politik.

"Saya kesal dengan kenyataan beliau yang berbunyi '...mana-mana umat Islam yang bekerjasama atau bersekongkol dengan DAP adalah haram serta berdosa besar.

"Seorang mufti tidak sepatutnya menyampaikan kenyataan yang bernada politik dan satu-satu perkara yang disampaikan itu janganlah sampai kelirukan rakyat," ujarnya dalam sidang media di sini pada 24 Jun lalu.

Abdul Malik dalam pada itu, berharap perkara sebegini tidak akan berlaku lagi pada masa hadapan apatah lagi melibatkan seorang yang bergelar mufti.

"Lebih dikesalkan apabila kenyataan tersebut telah mengaibkan agama Islam dan jauh terpesong dari konsep Islam Rahmatan Lil 'Alamin iaitu Islam itu rahmat seluruh alam.

"Justeru, saya sekali lagi menasihatkan beliau supaya segera menarik balik kenyataan dan tampil membuat penjelasan.

"Kenyataan itu dibuat atas kapasiti peribadi yang bukan bersandarkan kepada fatwa dan undang-undang Islam.

"Kerajaan Negeri akan pertimbangkan tindakan susulan sekiranya beliau tetap dengan kenyataan tersebut," kata Abdul Malik yang juga merupakan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Batu Maung.

Pada 24 Jun lalu, portal berita Utusan Online melaporkan Dr. Abdul Rahman mengeluarkan kenyataan bahawa mana-mana umat Islam yang bersekongkol dengan DAP adalah haram kerana DAP tergolong dalam kalangan kafir harbi yang wajib ditentang oleh umat Islam.

# Sumbangan tahunan KN kepada sekolah agama diteruskan

**SUMBANGAN DITERUSKAN...** Sebagaimana tahun-tahun sebelum ini, sumbangan tahunan kepada sekolah agama diteruskan oleh Kerajaan Negeri Pakatan Harapan Pulau Pinang.

Mewakili Ma'had Ad-Da'wah Al-Islamiyah ialah Ustaz Haji Subri Haji Arshad dan Yayasan An-Nahdhoh Pulau Pinang, Ustaz Mutalib Maarof.

Kedua-dua sekolah berkaitan masing-masing menerima sumbangan bernilai RM5,000.

Ustaz Mutalib ketika mengulas mengucapkan terima kasih di atas sumbangan berkaitan.

"Saya sebagai Ketua Yayasan An-Nahdhoh Pulau Pinang mengucapkan terima kasih di atas jemputan dan sumbangan Kerajaan Negeri.

"Saya sudah lama berhasrat hendak berjumpa dengan Ketua Menteri.



USTAZ Mutalib Maarof.

"Saya berasa sangat sedih dengan serangan yang bukan sahaja berlaku di Kuala Lumpur, malah juga Madinah kerana Madinah merupakan satu-satunya tempat umat Islam dapat beribadah dengan tenang," katanya pada majlis sumbangan berkaitan tadi.

Penyampaian sumbangan tersebut disempurnakan oleh Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng sambil diiringi barisan Exco Kerajaan Negeri.

Mengulas lanjut, Ustaz Mutalib dalam pada itu turut mencadangkan supaya Ketua Menteri mempunyai penasihat agama atau merujuk kepada mufti sekiranya perlu berhubung isu-isu agama.

Dalam pada itu, Guan Eng berharap sumbangan berkaitan dapat membantu pembangunan kedua-dua sekolah berkenaan.

# Difteria, ibu bapa dinasihat dapat maklumat tepat – Dr. Afif

Oleh : **NORSHAHIDA YUSOFF & ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar : **SHUM JIAN-WEI**

**BUKIT BENDERA –** Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin menasihati ibu bapa agar bersikap positif dalam menangani isu vaksin serta mendapatkan maklumat yang tepat sebelum membuat sesuatu keputusan meragukan.

Afif berkata demikian ketika diminta mengulas laporan berita atas talian mengenai gejala jangkitan difteria yang kembali tersebar di utara Semenanjung Malaysia hatta menyebabkan penghidapnya meninggal dunia baru-baru ini akibat penyakit dalam mulut tersebut.

**“Ibu bapa seharusnya mendapatkan maklumat yang tepat dan lengkap daripada mereka yang pakar seperti doktor, pakar perubatan, paediatrik dan yang lebih arif berhubung isu vaksin ini.**

**“Janganlah hanya berpandukan maklumat-maklumat yang tersebar di media massa dan internet, terus percaya bulat-bulat dan elak dari mendapatkan vaksin untuk anak-anak.**

**“Belajar dan rujuk mereka yang lebih tahu dan berilmu,”** ujarnya kepada pemberita selepas Majlis Pelancaran Alat Defibrillator Luaran Automatik (AED) di Bukit Bendera di sini baru-baru ini.

Hadir menyempurnakan majlis pelancaran berkaitan ialah Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng, Ahli Parlimen Bukit Bendera, Zairil Khir Johari dan Ketua Pegawai Operasi Perbadanan Bukit Bendera Pulau Pinang, Datuk Ng Wee Kok

Menurut Afif, pada peringkat negeri, Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang (JKNPP) telah mengadakan beberapa strategi pencegahan wabak tersebut termasuk penyebaran maklumat berhubung vaksinasi berkaitan.

Malah, jelas beliau, sehingga 26 Jun lalu, tiada jangkitan difteria dilaporkan di negeri ini.

**“Ibu bapa yang menolak vaksin ini bukan sahaja merisikokan anak masing-masing, malah orang ramai di sekeliling mereka yang turut menerima risiko dijangkiti,”** ujarnya.

Dalam perkembangan berkaitan, Afif yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Seberang Jaya turut menasihati golongan anti vaksin supaya tidak mengheret masyarakat yang percaya kepada bukti-bukti saintifik mengenai keperluan mengambil vaksin mengikut jadual, dengan menggunakan sentimen agama secara salah.

**"Isu utama adalah vaksin itu halal atau tidak sepatutnya tidak menjadi masalah kerana ilmuwan Islam dan mereka yang pakar dalam bidang vaksin ini telah sependapat bahawa ia harus untuk keperluan perubatan.**

**"Saya tidak nampak kenapa sains dan ilmu perubatan ini mesti terpisah daripada kehidupan masyarakat dan kehidupan beragama (Islam).**

**"Bukti saintifik telah pun menunjukkan bahawa apabila vaksin diambil mengikut jadual, sekaligus akan melahirkan imuniti dalam komuniti.**

"Apabila vaksin tidak diambil, penyakit-penyakit yang telah lama tidak ada, sekarang ada kembali," jelasnya.

Vaksin difteria terkandung dalam vaksin lima serangkai iaitu *Dtap-IPV/Hib* bagi menghindari difteria, pertusis (batuk rejan), tetanus (kontraksi otot), polio (lumpuh layu) dan *haemophilus influenze type B* yang diberikan kepada kanak-kanak pada usia dua, tiga, lima dan 18 bulan.

Difteria adalah penyakit disebabkan bakteria *corynebacterium diphteriae* yang tersebar melalui titisan cecair pernafasan.

Bakteria itu kemudiannya akan menjangkiti tekak (tonsil dan farinks) dan menghasilkan toksin yang menyebabkan keradangan serta bengkak leher sehingga menyebabkan pesakit sukar bernafas, lumpuh sistem saraf dan boleh membawa maut.



**KETUA Menteri sambil ditemani Dr. Afif Bahardin (dua dari kiri) memerhatikan latihan demonstrasi penggunaan AED selepas majlis pelancarannya di Bukit Bendera di sini baru-baru ini.**

# Pusat digesa perluaskan pemajuan PPR, janji kepada rakyat P. Pinang - Exco

**GEORGE TOWN –** Exco Perancangan Bandar & Desa dan Perumahan, Jagdeep Singh Deo berkata, pemohon perumahan mampu milik yang langsung tidak layak memperoleh pinjaman bank sekurang-kurangnya perlu ditawarkan unit rumah untuk disewa oleh pihak berkaitan.

Justeru, tegas beliau, Kerajaan Pusat digesa memperluaskan pemajuan Projek Perumahan Rakyat (PPR) ke seluruh negara serta di negeri ini, supaya pemohon yang tergolong dalam 'kategori' berkaitan masih dapat merasai kehidupan lebih selesa di unit-unit rumah yang disewa.

“Ekoran wujudnya kategori pemohon yang langsung tidak layak mendapat pinjaman bank dan perlunya diberi unit rumah secara sewa, maka, PPR yang diwujudkan dan dilaksanakan oleh Kerajaan Persekutuan harus diperluaskan ke seluruh negara, khususnya Pulau Pinang yang (selama ini seakan) telahpun dianak-tirikan.

“Untuk tujuan tersebut, Kerajaan Negeri telah bersetuju mengenal pasti beberapa bidang tanah untuk dimaklum kepada Kerajaan Persekutuan.



**JAGDEEP Singh Deo.**

“Diharapkan, sebaik sahaja pemakluman pemerolehan bidang tanah tersebut dipanjangkan kepada (Kerajaan) Persekutuan, mereka (Kerajaan Persekutuan) akan menepati janji bagi kepentingan rakyat dan warganegara Malaysia, termasuklah rakyat dan warga negeri Pulau Pinang,” ujarnya pada sidang media di sini baru-baru ini.

Mengulas lanjut, Jagdeep memberitahu, Kerajaan Negeri Pakatan Harapan Pulau Pinang sedang mengenal pasti tanah untuk Kerajaan Pusat membina PPR, memandangkan perkara tersebut telahpun dipersetujui dalam mesyuarat Jawatankuasa Pemantauan Pelaksanaan Keputusan Majlis Perumahan Negara (JKPKM), sebelum ini.

Menurut Jagdeep, **tanggungjawab membina PPR adalah di bawah bidang kuasa Kerajaan Persekutuan, bukannya di bawah mana-mana Kerajaan Negeri.**

**Pun begitu, jelas beliau, Pulau Pinang direkodkan sebagai negeri Semenanjung Malaysia yang paling rendah menerima peruntukan projek pemajuan unit PPR berbanding negeri-negeri lain, iaitu kira-kira 999 unit sahaja.**

“Pelbagai janji kosong telah dibuat oleh mereka untuk membekalkan rumah mampu milik di Pulau Pinang, termasuk pembohongan Kerajaan Persekutuan bahawa pembinaan PPR, seperti kes Taman Manggis, seolah-olah di bawah tanggungjawab Kerajaan Negeri.

“Kita tidak akan mengabaikan kepentingan rakyat (dan sebagai) buktinya, Kerajaan Negeri sudah mempunyai pelbagai projek (rancangan) perumahan mampu milik iaitu sejumlah 22,512 unit, berharga antara RM42,000 sehingga RM300,000, setakat ini.

“Justeru, kini mereka patut bersedia bina perumahan PPR sebaik sahaja dimaklumkan,” katanya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Datuk Keramat.

| Negeri | Jumlah | |
|---|---|---|
| | Bil. Projek | Bil. Unit |
| Perlis | 4 | 1,828 |
| Kedah | 6 | 3,622 |
| Pulau Pinang | 4 | 999 |
| Perak | 9 | 1,274 |
| Pahang | 35 | 5,072 |
| Kelantan | 6 | 3,200 |
| Selangor | 4 | 5,184 |
| Terengganu | 1 | 1,002 |
| Melaka | 5 | 1,891 |
| Negeri Sembilan | 5 | 1,270 |
| Johor | 14 | 11,995 |
| Sabah | 36 | 24,261 |
| Sarawak | 12 | 5,158 |
| WP Kuala Lumpur | 27 | 34,862 |
| WP Labuan | 1 | 500 |
| Jumlah | 171 | 102,118 |

**JADUAL perincian peruntukan PPR di seluruh negara.**

Dalam perkembangan lain, Jagdeep sekali lagi menggesa pentadbiran Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak supaya melonggarkan syarat-syarat pinjaman perumahan bank-bank komersial terhadap pemohon dan permohonan daripada mereka yang berpendapatan rendah.

Tegasnya, satu arahan atau polisi baharu daripada Bank Negara Malaysia (BNM) perlu digubal untuk membantu golongan tersebut memiliki unit perumahan mampu milik.

“Ini, termasuk pemberian pinjaman yang lebih sehingga 100 peratus, memanjangkan tempoh pembayaran balik pinjaman, pengenalan semula Skim Pemaju Tanggung Faedah (*Developer Interest Bearing Scheme*-DIBS) dan membenarkan pembayaran balik pinjaman secara berperingkat dan fleksibel mengikut kemampuan pembayaran *(accelerated/flexible tiered payment)*,” gesa beliau.

Difahamkan, dalam siri perbincangan bersama pihak BNM pada tahun lalu, kadar penolakan pinjaman bank untuk kategori tersebut adalah mencecah 60 peratus.

# TKMI seru semua pihak bantu bangunkan tanah wakaf negeri

Teks & Gambar : **ZAINULFAQAR YAACOB**

**BERTAM –** Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Mohd. Rashid Hasnon menyeru semua pihak supaya membantu usaha Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) dalam membangunkan tanah serta hartanah wakaf yang berpotensi di negeri ini.

Beliau berkata demikian ketika mengulas mengenai majlis sambutan Hari Wakaf Pulau Pinang 2016 yang dirasmikan Tuan Yang di-Pertua Negeri (TYT), Tun Dr. Abdul Rahman Abbas di Masjid Abdullah Fahim di sini baru-baru ini.

"Sebagaimana ZPP (Zakat Pulau Pinang) yang bertanggungjawab memungut zakat serta mengagihkan sumber zakat kepada asnaf-asnaf yang layak, usaha menubuhkan sebuah organisasi khusus bertaraf syarikat korporat untuk mengurus tanah wakaf serta hartanah wakaf perlu disokong oleh semua pihak.

"Saya yakin bahawa satu hari nanti, manfaat daripada pembangunan wakaf di Pulau Pinang ini akan menjadi enjin penggerak utama bagi umat Islam, selain sumber zakat sedia ada yang diurus oleh MAINPP melalui Zakat Pulau Pinang (ZPP)," jelasnya yang juga Exco Pembangunan Industri, Perdagangan Antarabangsa, Pembangunan Keusahawanan, Koperasi dan Perhubungan Masyarakat kepada pemberita.

Yang di-Pertua MAINPP, Dato' Mohd. Salleh Man yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Permatang Pasir turut menyampaikan ucapan pada majlis sambutan tersebut.

Manakala, tazkirah Ramadan pula disampaikan oleh Ketua Penolong Pengarah Bahagian Pendidikan bagi Jabatan Agama Islam Negeri Pulau Pinang (JAIPP), Ustaz Rosli Othman, sebelum berlangsungnya majlis jamuan berbuka puasa bersama-sama para tetamu lain serta ahli kariah masjid setempat di sini.

Setiausaha Kerajaan Negeri, Dato' Seri Farizan Darus, Sohibus Samahah Dato' Dr. Wan Salim Wan Mohd. Noor (Mufti Pulau Pinang) serta Dato' Abdul Walid Abu Hassan (Ketua Hakim Mahkamah Syarie Pulau Pinang) antara pemimpin utama negeri yang hadir pada majlis itu.

Tambah Mohd. Rashid, sepatutnya tanah-tanah wakaf yang berpotensi untuk projek pembangunan bercampur wajar segera digerakkan memandangkan MAINPP sebelum ini telahpun berjaya membangunkan sejumlah rumah kediaman serta pusat niaga secara komersial di Wakaf Seetee Aisah dekat Seberang Jaya.

"Apa pun pembangunan di atas tanah wakaf ini, sama ada untuk tujuan khusus atau pembangunan bercampur, yang paling penting manfaatnya mesti dipulangkan kepada umat Islam," katanya.

Difahamkan, MAINPP serta Exco Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato' Abdul Malik Abul Kassim ketika ini sedang gigih menjayakan projek pemajuan 470 unit rumah pangsa kos rendah setinggi 22 tingkat di atas tanah Wakaf Abdul Kader dekat Butterworth, dengan sejumlah RM50 juta peruntukan daripada Jabatan Wakaf Zakat dan Haji (JAWHAR).

Jumlah tanah wakaf di Pulau Pinang adalah berjumlah 1,837.01 ekar, yang melibatkan 1,155 lot tanah mengikut pecahan wakaf di kelima-lima daerah di negeri ini.

Demi memelihara hartanah umat Islam dan Melayu di negeri ini, tambah Mohd. Rashid, semua pihak berwajib wajar digalakkan untuk melaksanakan "wakaf ahli", iaitu ibadah mewakafkan harta yang manfaatnya ditujukan kepada orang-orang tertentu saja, seorang ataupun lebih baik keluarga pewakaf atau bukan.

"Dengan wakaf jenis ini, hartanah umat Islam bukan sahaja boleh dipelihara, bahkan manfaat wakaf ini turut berkembang kepada generasi akan datang, dengan syarat ada lafaz khusus oleh pemberi wakaf (waqif) kepada pihak berkenaan," jelasnya yang juga ADUN Pantai Jerejak.




**USTAZ Rosli Othman (kiri sekali) menyampaikan tazkirah Ramadan pada Program Hari Wakaf Pulau Pinang 2016 sebelum berlangsungnya majlis jamuan berbuka puasa bersama-sama Dr. Abdul Rahman Abbas (tiga dari kanan), Mohd. Rashid Hasnon (dua dari kanan), Mohd. Salleh Man (empat dari kanan) serta pemimpin Kerajaan Negeri lain di Masjid Abdullah Fahim di sini baru-baru ini.**

## KM kecam tragedi di Nice, Perancis dan rampasan kuasa di Turki

**GEORGE TOWN –** Ketua Menteri Pulau Pinang, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng menyatakan solidariti terhadap rakyat Perancis sekaligus mengecam tragedi berdarah di Nice, selatan Perancis yang mengorbankan lebih 80 nyawa orang awam baru-baru ini.

Malah, beliau turut mengutuk sekeras-kerasnya cubaan rampasan kuasa oleh tentera secara kudeta di ibu negara Turki, Ankara pada 15 Julai lalu sehingga berlakunya pertumpahan darah.

"Saya mengecam dan mengutuk sekeras-kerasnya percubaan rampasan kuasa tersebut yang jelas mencabuli hak asasi kemanusiaan.

"Saya turut mengecam tragedi di Nice sehingga menyebabkan ramai yang terbunuh," katanya pada sidang media sejurus merasmikan pembukaan pusat kecemerlangan sains dan teknologi baharu, *Tech Dome Penang* dekat sini baru-baru ini.

## KN terima permohonan maaf kenyataan kontroversi - Exco

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**

**GEORGE TOWN –** Kerajaan Negeri Pulau Pinang menerima permohonan maaf Yang diPertua (YDP) PAS Padang Serai, Ustaz Shaharuddin Ibrahim berhubung kenyataan kontroversi 'larangan azan di Pulau Pinang' baru-baru ini.

Exco Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato' Abdul Malik Abul Kassim berkata, 'penerimaan maaf' tersebut adalah atas semangat di bulan Ramadan yang menuntut umatnya saling maaf-memaafi.



**ABDUL Malik Abul Kassim.**

"Shaharuddin telah tampil membuat permohonan maaf kepada Kerajaan Negeri dan DAP (disiarkan di dalam akhbar Sinar Harian bertarikh 21 Jun 2016).

"Dan, hari ini (22 Jun), Kerajaan Negeri menerima permohonan maaf beliau," katanya kepada pemberita pada majlis sidang media di sini baru-baru ini.

Dalam Islam, menurut Abdul Malik, melemparkan fitnah merupakan suatu perkara yang serius kerana perbuatan memfitnah adalah lebih teruk daripada membunuh.

"Saya harap supaya pihak-pihak lain, janganlah keluarkan kenyataan fitnah seperti ini, kerana ia lebih teruk daripada membunuh.

"Sekiranya inginkan maklumat tentang Pulau Pinang, mereka ini boleh menghubungi Kerajaan Negeri atau mana-mana akar umbi termasuk JKKK (Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti) dan sebagainya.

"Jangan perkara yang tidak ada ini diada-adakan kerana dikhuatiri boleh membawa kepada ketegangan antara agama," ujarnya.

Terdahulu, pada 21 Jun lalu, Kerajaan Negeri menuntut supaya Shaharuddin tampil memohon maaf secara terbuka dan menarik balik kenyataan fitnah tersebut.

Pada 11 Jun 2016 lalu, Shaharuddin didakwa mengeluarkan kenyataan fitnah kononnya masjid-masjid di Pulau Pinang tidak boleh melaungkan azan ketika beliau menyampaikan tazkirah Ramadan di Masjid Jamek An-Najah, Padang Serai, Kedah.

Petikan permohonan maaf Shaharuddin sebagaimana dilaporkan Sinar Harian adalah berbunyi seperti berikut:

"Saya tidak mahu berbalah dan memanjangkan isu ini, jadi dengan rendah hati saya memohon maaf kepada pihak-pihak yang tersinggung dengan kenyataan itu, khususnya DAP."

# Pewartaan RKK Tapak Warisan Dunia George Town, 1 Ogos

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**
Gambar : **LAW SUUN TING**



**JAGDEEP Singh Deo (kiri) dan Chow Kon Yeow menunjukkan dokumen RKK Tapak Warisan Dunia George Town pada sidang media di sini baru-baru ini.**

**GEORGE TOWN** – Kerajaan Negeri bersetuju untuk mewartakan Rancangan Kawasan Khas (RKK) Tapak Warisan Dunia George Town pada 1 Ogos ini.

Exco Perancangan Bandar & Desa dan Perumahan, Jagdeep Singh Deo ketika mengumumkan perkara tersebut berkata, pewartaan RKK Tapak Warisan Dunia George Town dibuat setelah semua peruntukan di bawah Subseksyen 15(1C), Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172) dipatuhi.

Menurutnya, Akta 172 berperanan sebagai satu garis panduan bagi kawalan perancangan pembangunan dalam kawasan Tapak Warisan Dunia UNESCO George Town dan RKK tersebut telahpun diluluskan oleh Jawatankuasa Perancang Negeri Pulau Pinang.

"Jawatankuasa Perancang Negeri Pulau Pinang telahpun meluluskan Laporan Draf RKK ini pada 14 Mac 2013 dan draf akhir telah disiapkan pada 27 Mei 2016 serta dibentangkan kepada Majlis Mesyuarat Kerajaan pada 15 Jun lalu sebelum bersetuju untuk mewartakannya pada 1 Ogos 2016.

**"Pewartaan RKK ini akan menjadi penentu syarat di dalam memenuhi kriteria proses pemantauan *State of Conservation* oleh Jawatankuasa Warisan Dunia (*World Heritage Committee*, WHC) di bawah UNESCO bagi Tapak Warisan Dunia.**

**"(Juga) membolehkan pihak-pihak seperti Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan Jabatan Perancang Bandar dan Desa (JPBD) Pulau Pinang untuk membantu Jabatan Warisan Negara memantau dan memastikan pengurusan mampan zon-zon warisan mengikut syarat yang ditetapkan oleh WHC,"** katanya pada sidang media di sini baru-baru ini.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng, Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Mohd. Rashid Hasnon, Chow Kon Yeow (Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir), Dato' Abdul Malik Abul Kassim (Exco Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna) dan Wong Hon Wai (Setiausaha Politik kepada Ketua Menteri) turut sama dalam sidang media yang diadakan di Komtar baru-baru ini.

Menurut Jagdeep, Tapak Warisan Dunia George Town merangkumi Zon Teras yang terdiri dari 2,569 bangunan dan Zon Penampan, 2,444 bangunan.

Selain RKK, katanya, penyediaan Pelan Pengurusan Pemuliharaan (PPP) juga perlu kerana ia selaras dengan keputusan mesyuarat WHC yang diadakan di Seville, Sepanyol dan termaktub di bawah keperluan am WHC, merangkumi syor-syor pengurusan pemuliharaan di bawah Undang-undang Malaysia.

**"Objektif utama PPP adalah untuk melindungi kepentingan Nilai Keunggulan Sejagat atau *Outstanding Universal Value Significance* di samping memberi perakuan melindungi nilai-nilai intrinsik bagi Tapak Warisan Dunia berdasarkan pangkalan data menggunakan *Geographical Information System* (GIS).**

**"Manakala RKK pula, membolehkan pihak Kerajaan Tempatan memantau semua kerja-kerja merancang termasuk mengenakan caj pembangunan, melaksanakan notis pengambilalihan tanah dan mengisytiharkan kawasan pembangunan dalam kawasan tersebut (Tapak Warisan Dunia),"** jelas beliau.

## RKK Tapak Warisan Dunia George Town libatkan semua perniagaan, rumah tumpangan & hotel - Exco

**GEORGE TOWN** – Pewartaan Rancangan Kawasan Khas (RKK) Tapak Warisan Dunia George Town pada 1 Ogos ini bakal melibatkan semua perniagaan termasuk pihak pengusaha rumah tumpangan dan hotel pelbagai kategori khususnya dalam zon warisan.

Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow berkata, semua perniagaan dalam zon warisan terlibat perlu mematuhi peraturan-peraturan yang telah ditetapkan dalam RKK Tapak Warisan Dunia George Town.

"RKK ini akan menetapkan peraturan yang lebih ketat dan sebarang perniagaan dalam zon warisan terutama hotel-hotel lama di bawah program pemutihan atau hotel baru tanpa lesen perlu mengemukakan permohonan lesen segera.

"Malah, mereka (pengusaha) digalakkan untuk mempercepatkan permohonan lesen pengoperasian sebelum tarikh berkuatkuasanya RKK.

"Sekiranya permohonan pada atau selepas tarikh berkuatkuasanya RKK, mereka (pengusaha) perlu mengikut Garis Panduan RKK Tapak Warisan Dunia George Town yang ditetapkan," katanya pada sidang media di sini baru-baru ini.

Dalam pada itu, Kon Yeow menegaskan bahawa, bagi rumah tumpangan atau hotel-hotel tanpa lesen di luar zon warisan yang masih belum mengemukakan permohonan sama ada pelan bangunan, kebenaran merancang, pelingkungan semula dan tukar syarat nyata tanah tidak dipengaruhi dengan pewartaan RKK berkaitan, namun masih perlu mematuhi Garis Panduan Pelan Dasar Perancangan Pembangunan MPPP 1996.

"Manakala bagi rumah tumpangan atau hotel yang ingin memperbaharui permit sementara pula diberikan tempoh selama satu tahun lagi sehingga 31 Oktober 2017 kerana permit sementara ini tidak akan dikeluarkan lagi sekiranya permohonan dibuat selepas tarikh tersebut.

"Mereka (pengusaha) mestilah mengemukakan permohonan berkaitan sebelum 1 November 2016 dan permohonannya sedang diproses serta masih belum ada keputusan pada tarikh pembaharuan.

"Syarat pembaharuan ini juga termasuk bayaran fi untuk permit sementara yang telah ditetapkan pada kadar RM7,200 bagi semua kategori hotel dan fi tertunggak wajib dijelaskan sebelum permit sementara terbaru dikeluarkan.

"Mana-mana rumah tumpangan yang tidak layak diberi pembaharuan permit dan tidak pernah mengemukakan mana-mana permohonan sebelum 1 November 2016 walaupun telah diberikan permit sementara, tidak akan dibenarkan memperbaharui," jelasnya sambil menegaskan bahawa tindakan penguatkuasaan akan dijalankan pada bila-bila masa oleh pihak berkuasa tempatan (PBT) terhadap mana-mana rumah tumpangan atau hotel yang masih beroperasi tanpa lesen walaupun sebelum ini telah diberikan tempoh selama tiga tahun untuk memperbaharui lesen sejak pelaksanaan inisiatif pemutihan.

# PenangPAC terima RM100,000 semarak budaya, seni & warisan P. Pinang

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar : **SHUM JIAN-WEI**

**GEORGE TOWN** – Ketua Menteri Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng mengumumkan sumbangan RM100,000 bagi menjayakan operasi Pentas Seni Pulau Pinang (PenangPAC).

Katanya, **sumbangan itu adalah demi membantu operasi pusat seni yang ditubuhkan oleh The Actors Studio Sdn. Bhd. sejak lima tahun lalu, yang sehingga kini saling bekerjasama dengan E&O Berhad.**

**"Sesungguhnya, Pulau Pinang mempunyai tradisi yang sangat panjang dengan aset budayanya tersendiri... dengan Pulau Pinang perlu menjadi pusat kesenian bagi Asia Tenggara.**

**"Sumbangan ini untuk mencetus warna-warni dalam budaya, seni dan warisan di Pulau Pinang,"** katanya yang juga Exco Hal Ehwal Tanah & Pembangunan Tanah, Penerangan, Kebudayaan & Kesenian, Warisan dan Hal Ehwal Bukan Islam pada sidang media di sini baru-baru ini.

Pada sidang media sama, Pengarah Eksekutif merangkap Pengasas Bersama PenangPAC, Datuk Faridah Merican memberitahu, pihaknya sebelum ini memohon peruntukan kewangan daripada Kerajaan Negeri kerana operasi pusat seni teater di bawah kendaliannya itu tidak berasaskan pada keuntungan.

"Prestasi PenangPAC sangat baik yang mana persembahan seni bukan sahaja dalam lingkungan Pulau Pinang, bahkan Semenanjung Malaysia juga.

"Malah, persembahan tari dan muzikal bukan sahaja dalam satu bahasa, malah kolaborasi pelbagai bahasa yang ada di tanah air ini (seperti) teater berbahasa Cina, teater berbahasa Melayu dan juga teater berbahasa Inggeris.

"Misi dan objektif kami bukannya untuk keuntungan, tetapi untuk memupuk, mendidik, menghibur semua yang datang ke pintu kami," jelasnya sambil melahirkan penghargaan kepada pentadbiran Guan Eng.

Hubungi Ooi Kee How atas talian 017 – 478 4276 atau emel, *keehow@penangpac.org* untuk menyalurkan dana bantuan berwajib atau bertanya lanjut mengenai operasi projek pusat seni PenangPAC.



**FARIDAH Merican.**

## PAD pindah dari Sia Boey ke lokasi lebih besar

**GEORGE TOWN** – Daerah Seni Pulau Pinang atau *Penang Arts District* (PAD) yang bakal dibangunkan di pasar lama Prangin atau lebih dikenali sebagai Sia Boey dekat Jalan Dr. Lim Chwee Leong akan dipindahkan ke Gat. Lebuh Mccallum dan Lebuhraya Dr. Lim Chong Eu di sini.



**LAKARAN artis PAD yang bakal dibangunkan.**

Menurut Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng, tapak pemajuan PAD yang baharu itu terdiri oleh 3.7 hektar tanah milik Kerajaan Negeri dan Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC), iaitu 2.2 hektar lebih besar daripada tapak cadangan asal projek di Sia Boey.

"Kedudukannya (tapak baharu PAD) hanya lebih kurang 500 meter dari tapak asal projek Daerah Seni Pulau Pinang (PAD) di Sia Boey.

"Dengan keluasan tanah yang lebih besar, tapak baharu ini akan memberi fleksibiliti lebih besar dan kemungkinan (dijadikan) Daerah Seni Pulau Pinang (PAD) yang baharu," katanya pada sidang media di sini baru-baru ini.

Menjawab soalan pemberita, Guan Eng berkata, tapak asal PAD yang sedia terkenal di Sia Boey mungkin akan dijadikan hub pengangkutan awam jenis Transit Aliran Ringan (LRT) serta stesen pertukaran mod monorel, kelak.

Di tapak baharu PAD pula, beliau memberitahu, akan dijadikan pusat muzium koleksi tunggal terbesar bagi aktiviti kesenian dan budaya, butik kreatif, sekolah seni serta bengkel kraftangan.

Ketika itu, Guan Eng yang Exco Hal Ehwal Tanah & Pembangunan Tanah, Penerangan, Kebudayaan & Kesenian, Warisan dan Hal Ehwal Bukan Islam turut mengumumkan pelantikan Naib Pengerusi Jawatankuasa Galeri Seni Negeri Pulau Pinang, Datuk Dr. Tan Chee Khuan sebagai penasihat bagi projek PAD.

Selain Chee Khuan yang merupakan pengumpul seni terkemuka, Ahli Parlimen Petaling Jaya Utara, Selangor, Tony Pua turut sertai sidang media berkenaan.




**RAKAMAN gambar asal bangunan gudang lama dekat Lebuh Victoria di sini.**

## Rejuvinasi gudang di Lebuh Victoria jadi studio animasi, pusat kraf tradisi

**GEORGE TOWN** – Empat gudang lama yang tidak digunakan lagi dekat Lebuh Victoria akan diremajakan semula menjadi studio animasi masa depan negeri.

Mengulas lanjut, Ketua Menteri Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata, Kerajaan Negeri melalui Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) mengadakan proses tender terbuka bagi projek pelaburan terbaru yang dianggarkan menelan belanja RM10juta tersebut pada bulan Julai 2016.

"Untuk mencapai standard negeri bertaraf antarabangsa, pembangunan warisan juga mestilah berada pada tahap antarabangsa.

"Kita rejuvinasi gudang ini menjadi satu lagi studio *Creative Animation Triggers* (CAT) di Pulau Pinang supaya ia bangunan warisan ini lebih dipulihara dengan unsur-unsur tradisional dan moden apabila siap.

"Selepas (projek terbaru Animasi Pencetus Kreatif) bangunan ini siap nanti, kita boleh membenarkan aktiviti kraf-kraf tradisi, mungkin mereka boleh dimasukkan di sini sebagai sebahagian daripada kegunaan warisan di negeri ini," katanya yang juga Exco Hal Ehwal Tanah & Pembangunan Tanah, Penerangan, Kebudayaan & Kesenian, Warisan dan Hal Ehwal Bukan Islam pada sidang media di sini baru-baru ini.

Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Kota serta Pengurus Besar PDC, Datuk Rosli Jaafar turut sertai sidang media itu.

Hadir sama, Setiausaha Politik Kepada Ketua Menteri merangkap ADUN Air Itam, Wong Hon Wai dan Ahli Parlimen Tanjung, Ng Wei Aik.

Sebelum itu, Rosli memberitahu bahawa projek rejuvinasi empat gudang yang terletak di antara Lebuh Victoria dan Lebuh Acheh itu membabitkan tanah Kerajaan Negeri seluas 13,168 kaki persegi.

Tambah beliau, luas lantai projek CAT itu akan bertambah menjadi 21.548 kaki persegi selepas siap kelak.

"Kita akan suntik elemen moden, tetapi masih mengekalkan nilai-nilai warisan yang ada pada bangunan tersebut," jelasnya.

# Rumah baru, hadiah paling bermakna sempena 1 Syawal - Zulkifli

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**
Gambar : **DARWINA MOHD. DAUD**

**BATU MAUNG –** Exco Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato' Abdul Malik Abul Kassim melahirkan rasa gembira kerana 'Rumah Asnaf' dekat Kampung Bukit Kechil khas untuk empat penerima berjaya disiapkan oleh Zakat Pulau Pinang (ZPP) sebelum sambutan Hari Raya Aidilfitri.

Abdul Malik yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Batu Maung memberitahu, setiap 'Rumah Asnaf' kepada penerima, Abdul Aziz Kassim, Zulkifli Abdullah, Noryati Ismail dan Ruzila Jamaluddin masing-masing bernilai RM51,000.

"Empat penerima ini terpaksa pindah dari rumah lama mereka bagi memberi laluan pada pembinaan Masjid Jamek Batu Maung atau Masjid Umar Abdul Aziz.

"(Susulan itu) saya bersama-sama (jawatankuasa) kariah berusaha mendapatkan tanah sesuai dari Pejabat Daerah dan Tanah Daerah Barat Daya (DBD) dan mereka memberikan tanah untuk membina keempat-empat rumah tersebut di sini (Kampung Bukit Kechil).

"Di kesempatan ini, saya mengucapkan syukur kerana Masjid Jamek Batu Maung berjaya disiapkan mengikut masa ditetapkan, iaitu dua tahun bagi memudahkan komuniti umat Islam di Batu Maung," ujarnya pada Majlis Penyerahan Kunci 'Rumah Asnaf' kepada para penerima di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Pengurus Besar ZPP, Azman Abdul Samat.

Penerima, **ZULKIFLI ABDULLAH,** 60, menganggap inisiatif ZPP serta Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) membina rumah baharu itu sebagai hadiah paling bermakna sempena sambutan 1 Syawal.

"Pertama sekali, saya ucapkan terima kasih tidak terhingga kepada semua pihak yang menjayakan permohonan rumah ini terutamanya YB Malik (Abdul Malik), ZPP, Pejabat Daerah DBD, jawatankuasa kariah dan semua.

"Rumah ini pastinya memudahkan saya, memandangkan saya terpaksa menyewa di Bayan Lepas ditambah pula keluarga saya yang ramai," jelasnya yang juga pesara ketika ditemui pemberita.

Nada kegembiraan serupa turut diluahkan oleh penerima lain, **NORYATI ISMAIL**, 50-an.



ABDUL Malik Abul Kassim (empat dari kiri) bergambar kenangan dengan Zulkifli Abdullah (tiga dari kanan) dan Noryati Ismail (kiri sekali) di hadapan salah sebuah unit rumah pada Majlis Penyerahan Kunci 'Rumah Asnaf' kepada para penerima di sini baru-baru ini.

"Saya nak ucap terima kasih kepada ZPP dan insan-insan yang membantu saya selama ini bagi mendapatkan rumah baru," kata Noryati.

Sejak awal tahun sehingga Julai 2016, difahamkan, ZPP telah membina 11 buah rumah dengan nilai agihan RM527,000.

Manakala, kerja-kerja pembaikan rumah dalam tempoh sama pula meliputi 38 buah, dengan agihan sejumlah RM502,612.

# Komtar dilengkapi 72 unit CCTV kini – Choo Hong

Oleh : **NORSHAHIDA YUSOFF**
Gambar : **KOAY SHIAN HUAH**

**GEORGE TOWN –** PDC Setia Urus Sdn. Bhd. (PDCSUSB), sebuah anak syarikat Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) memperuntukkan sejumlah RM484,000 bagi pemasangan 42 unit kamera litar tertutup (CCTV) tambahan di sekitar bangunan Komtar dalam usaha mewujudkan persekitaran selamat dan sistematik.

Ketua Pegawai Eksekutif PDCSUSB, Datuk Ir. Ang Choo Hong berkata, penambahan tersebut menjadikan jumlah CCTV sedia ada di sekitar bangunan Komtar berjumlah 72 unit berbanding 30 (unit) sebelumnya.

"Penentuan lokasi pemasangan berkenaan dibuat berdasarkan cadangan yang diterima daripada Polis Diraja Malaysia (PDRM).

"Penambahan CCTV ini akan menjadi peringatan kepada orang ramai bahawa



IR. Ang Choo Hong (duduk) dan Teh Lai Heng (dua dari kiri) memerhatikan paparan rakaman CCTV sambil diperhatikan petugas-petugas bilik kawalan berkaitan pada sesi sidang media di sini baru-baru ini.

mereka sentiasa diawasi, sekaligus mewujudkan persekitaran dan rasa selamat kepada pengunjung di Komtar," ujarnya kepada pemberita di sini baru-baru ini.

Turut serta, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Komtar, Teh Lai Heng.

Difahamkan, peruntukan (RM484,000) tersebut merupakan sebahagian daripada kos RM40 juta bagi menaiktaraf bangunan Komtar yang merupakan ikon negeri Pulau Pinang.

Dalam pada itu, menurut Choo Hong, PDCSUSB turut mempunyai rancangan bagi memasang sebuah panel skrin bersaiz besar untuk paparan rakaman CCTV di Aras Tiga, Komtar menjelang hujung tahun ini.

"Cara ini dilihat lebih efektif bagi menghalang salah laku atau kegiatan jenayah, orang ramai dapat melihat sendiri paparan CCTV tersebut berbanding pemantauan pegawai bertugas di dalam bilik kawalan," jelas beliau.

# Pemenang Peraduan Mewarna, Kumpul & Menang dimuktamad

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar : **ALISSALA THIAN**

**GEORGE TOWN** – Seramai 23 pemenang Peraduan Bakat Si Cilik - Mewarna 3.0 serta pemenang tunggal Peraduan Kumpul & Menang Buletin Mutiara telahpun dimuktamadkan pada 18 Julai baru-baru ini.

Jawatankuasa Juri Pemilih yang membuat keputusan bagi kedua-dua pertandingan tersebut adalah Pengurus Besar Penang Green Council (PGC), Thing Siew Shuen, K. Vishantini (Ketua Penolong Setiausaha Bahagian Kerajaan Tempatan, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang) dan Muhamad Azrai Mohamad Zaini (Setiausaha Sulit Kanan Kepada Ketua Menteri).

"Sukar juga untuk kami (Jawatankuasa Juri) untuk memilih pemenang kerana semua (hasil) yang dihantar kepada kami sangat cantik, dan ada (hasil) nilai tambah yang begitu kreatif.

"Yang paling penting bagi peraduan kali ini, adalah memupuk kesedaran dalam kalangan komuniti bermula pada usia kanak-kanak sebagai menyokong inisiatif Kerajaan Negeri dalam melaksanakan Dasar Pengasingan Sisa Di Punca," ujar Vishantini selepas selesai sesi pemilihan para pemenang di Pejabat Sidang Redaksi Buletin Mutiara di sini.

Peraduan Bakat Si Cilik - Mewarna 3.0 yang diadakan dalam tempoh 1 April hingga 14 Jun lalu berjaya menerima penyertaan hampir 1,000 daripada kanak-kanak berusia 12 tahun dan ke bawah.

Juara akan membawa pulang hadiah wang tunai RM300, naib juara (RM200) dan ketiga (RM100). Turut menerima hadiah adalah 20 pemenang saguhati.

Bagi Peraduan Kumpul & Menang Buletin Mutiara, pemenang bakal menerima hadiah berupa wang tunai RM1,000.

**Senarai Pemenang Peraduan Bakat Si Cilik - Mewarna 3.0**

| Nama | No. Kad Pengenalan |
|---|---|
| Cheryl Pang Jia Tong | 04112307**** |
| Alwin Chin Jin Xiang | 04081607**** |
| Joey Kok | 07031207**** |
| Muhammad A'Qil Ilhami Bin Ibrahim | 10102007**** |
| Lee Sin Xuan | 07091207**** |
| Khor Jeyee | 05062007**** |
| Tan Yi Hua | 04071507**** |
| Al Nazfeera Wardina Bt. Al Rafaee | 07060207**** |
| Yap Thien Li | 05072607**** |
| Ramalakshmi a/p Arunachalam | 04060707**** |
| Chew Yu Qi | 08070107**** |
| Lai Ting Xin | 08050514**** |
| Eleni Loh Yee Chern | 04022707**** |
| Nur Hidayah Bt Rizuan | 05032402**** |
| Ang Kok Miao | 08070307**** |
| Muhammad Uwais | 06033114**** |
| Thureshnia a/p Selvam | 05090907**** |
| Chua Li Jean | xxxxxxxxxxxx |
| Ganeshwharan a/l Ananthan | 09071008**** |
| Nurul Ain Hazirah Bt Arman | 08060907**** |
| Gracelyn Loh Yee Thing | 06081407**** |
| Aarifah binti Mujibur Rahman | 07062408**** |
| Natasha Goh Jia Xi | 06101807**** |

**Pemenang - Kumpul & Menang Buletin Mutiara**

| Nama | No. Kad Pengenalan |
|---|---|
| Siti Nur Bahirah Bt. Rosidi | 01070207**** |



(Dari kiri), THING Siew Shuen, K. Vishantini dan Muhamad Azrai Mohamad Zaini ketika memilih tiga pemenang utama Peraduan Bakat Si Cilik - Mewarna 3.0 pada 18 Julai lalu.

Permai Villa
Bukit Mertajam
5% Diskaun Untuk Bumiputera
Pegangan Bebas








**Rumah Teres 3 Tingkat**
Jumlah Unit : 41
Harga Jualan : RM 588,000.00 (min) RM 724,500.00 (mak)
Keluasan Tanah : 1538 kps (min) 2300 kps (mak)
Keluasan Binaan : 2727 kps (min) 2967 kps (mak)

**Rumah Berkembar 3 Tingkat**
Jumlah Unit : 8
Harga Jualan : RM 740,000.00 (min) RM 766,000.00 (mak)
Keluasan Tanah : 2421 kps (min) 2421 kps (mak)
Keluasan Binaan : 3600 kps (min) 3600 kps (mak)

*Pembeli-pembeli Bumiputera yang berminat sila hubungi:*
***Bahagian Perumahan,***
***Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri***
***Paras 20, KOMTAR, 10503 Pulau Pinang***
*Tel: 04-6505 242/6505 244 • Fax: 04-2622 904*

POTENSI UTAMA
*Pemaju:*
**Potensi Utama Sdn Bhd** (867556-A)
Plot 157 b, Jalan Perindustrian Bukit Minyak 7
Taman Perindustrian Bukit Minyak, 14100, Simpang Ampat, Pulau Pinang
Tel: **04-501 7116** • Fax : **04-501 7112** • HP : **012-4283626**

No. Lesen Pemaju :13643-1/08-2016/0804(L) • Tempoh Sah: 13/8/2014 - 12/8/2016
No Permit Iklan dan Jualan: 13643-1/08-2016/0804(P) • Tempoh Sah: 13/8/2014-12/8/2016
Pihak Berkuasa Yang Meluluskan Pelan Bangunan: Majlis Perbandaran Seberang Perai
No Pelan Bangunan: 7(A-G) dlm MPSP/40/20-44/103 • Pegangan Tanah: Hakmilik Kekal
Tarikh Dijangka Siap: Jun 2017 • Chargee of land change to Encumbrances: Public Bank Berhad
Jumlah Unit: Rumah Teres 41 uint , Rumah Berkembar - 8 unit

# KM gesa Pusat martabatkan sekolah Tamil, bina SMJKT pertama negara di P. Pinang

Oleh : **NORSHAHIDA YUSOFF**
Gambar : **DARWINA MOHD. DAUD**




**KETUA Menteri, Prof. Dr. P. Ramasamy (barisan depan, tengah) dan K. Anbalagan (barisan depan, empat dari kiri) bergambar kenangan dengan barisan penerima pada Majlis Bantuan Kerajaan Negeri Pulau Pinang Kepada Tadika Sekolah-Sekolah Tamil Serta Pendidikan Tamil dan Punjabi 2016 di sini baru-baru ini.**

**GEORGE TOWN –** Pentadbiran Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak sekali lagi digesa supaya membuktikan komitmen dalam usaha memartabatkan sekolah-sekolah aliran Tamil, dengan menyediakan peruntukan dana untuk pemajuan Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan Tamil (SMJKT) pertama negara di Pulau Pinang.

Mengulangi desakan itu, Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata, Kerajaan Negeri sejak tahun 2013 lagi telahpun menyumbang sebidang tanah dekat Bagan Dalam, Seberang Perai Utara (SPU) untuk projek berkaitan.

Terbaru, katanya pemberian sebidang tanah untuk projek pembangunan bangunan baharu Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT) Subramaniya Barathee, sekaligus menjadi bukti komitmen Kerajaan Negeri dalam memartabat pendidikan kaum India di Pulau Pinang.

"Usaha membantu sekolah-sekolah Tamil di negeri ini tidak terhenti di situ saja.

"**Atas pemberian tanah secara ehsan ini, SJKT Subramaniya Barathee (dekat Sungai Gelugor) yang dulunya terletak di atas tanah swasta dan luasnya kurang daripada satu ekar, kini memiliki dan mampu beroperasi dalam keadaan lebih selesa dengan keluasan 2.3 ekar tanah**," ujarnya yang juga Exco Hal Ehwal Tanah & Pembangunan Tanah, Penerangan, Kebudayaan & Kesenian, Warisan dan Hal Ehwal Bukan Islam baru-baru ini.

Beliau berkata demikian pada Majlis Bantuan Kerajaan Negeri Pulau Pinang Kepada Tadika Sekolah-Sekolah Tamil Serta Pendidikan Tamil dan Punjabi 2016 di sini baru-baru ini.

Turut berucap, Timbalan Ketua Menteri II, Prof. Dr. P. Ramasamy yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Perai merangkap Pengerusi Lembaga Wakaf Hindu Pulau Pinang dan Pengerusi Jawatankuasa Khas Sekolah-sekolah Tamil, Datuk K. Anbalagan.

Pada majlis tersebut, difahamkan, sejumlah RM100,000 diserahkan kepada 27 tadika dalam SJKT di negeri ini, manakala, RM70,000 untuk sekolah-sekolah Punjabi.

Tidak cukup dengan itu, Kerajaan Negeri turut menyumbang peruntukan khas sebanyak RM90,000 kepada Jawatankuasa Khas Sekolah-Sekolah Tamil, bagi menampung keperluan kontigensi serta perkembangan pendidikan Tamil.

Guan Eng memberitahu, **Kerajaan Negeri pada tahun 2014 turut menyumbang sebidang tanah bernilai RM1.4 juta untuk pemajuan bangunan baharu SJKT Azad dekat Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Kebun Bunga.**

Selain itu, tambahnya, **Kerajaan Negeri sebelum ini turut membina bilik khas di SJKT Ladang Krian dan SJKT Sungai Bakap untuk operasi pendidikan peringkat tadika di kedua-dua sekolah tersebut.**

**"Sekiranya mereka berminat menubuhkan tadika, kita (Kerajaan Negeri) sedia membantu seperti yang kita tolong di SJKT Rajaji dan SJKT Ladang Transkrian.**

**"Pada tahun ini (2016), kami sedang membina dua buah kelas dengan serba lengkap untuk tadika di SJKT Ladang Malakoff**," jelasnya yang juga ADUN Air Putih merangkap Ahli Parlimen Bagan.

TELUK KUMBAR HEIGHTS
Teluk Kumbar, Penang
Teluk Kumbar Heights terletak dalam daerah barat daya Pulau Pinang yang merupakan perbandaran pesat terbaharu berhampiran Bayan Lepas FTZ & Jambatan Kedua Pulau Pinang.
PEGANGAN BEBAS




PG88
Rumah Teres 3 Tingkat
Telah Siap Dibina

| | |
|---|---|
| Jenis Hartanah: | Rumah Teres 3 Tingkat |
| Hakmilik Tanah: | Pegangan Bebas dengan Milikan Individu |
| Keluasan Tanah: | 20' x 65' |
| Luas Binaan: | 2,800 kps |
| Jumlah Unit: | 24 Unit Sahaja |
| Harga Jualan: | RM998,000 (Unit Sederhana Barisan Depan) |
| | RM968,000 (Unit Sederhana Barisan Belakang) |

Harga pada RM345 kps ke RM356 kps
O.C. Sudah Diperolehi
Diskaun 5% untuk Bumiputera

UNTUK BUMIPUTERA SAHAJA

*Pembeli - pembeli Bumiputera yang berminat sila hubungi:*
***Bahagian Perumahan, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri, Paras 20, KOMTAR 10503 Pulau Pinang***
*Tel: **04-6505 242** Fax: **04-2622 904***

TPPT
TPPT Sdn. Bhd.

**Pemaju Projek**
TPPT Sdn. Bhd. (208360-D)
Tingkat 7 & 8, Menara Takaful,
Jalan Sultan Sulaiman,
50000 Kuala Lumpur.
Web Site : www.tppt.com.my

Talk to us

**Ejen Pemasaran Eksklusif**
Property Talk E (3) 0975
Registered Estate Agents
Suite 441-3A-8, Pulau Tikus Plaza,
Burma Road, 10350 Penang.
E-mail : sales@propertytalk.com.my
Web Site : www.propertytalk.com.my

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:
04-227 9966 / 04-6491221 / 010-463 9196
atau layari laman web kami
http://www.propertytalk.com.my/project/penang/telukkumbarheights

# KN setuju warta RKK Bukit Bendera 1 Ogos

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar : **DARWINA MOHD. DAUD**




**KETUA Menteri dan Jagdeep Singh Deo menunjukkan dokumen RKK Bukit Bendera pada sidang media di sini baru-baru ini.**

**GEORGE TOWN** – Kerajaan Negeri bersetuju untuk mewartakan Rancangan Kawasan Khas (RKK) Bukit Bendera pada 1 Ogos ini.

Menurut Exco Perancangan Bandar & Desa dan Perumahan, Jagdeep Singh Deo, Jawatankuasa Perancang Negeri Pulau Pinang pada 27 Mei lalu meluluskan RKK tersebut, sebelum diangkat untuk pertimbangan Mesyuarat Exco Kerajaan Negeri pada 15 Jun lalu.

"Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah bersetuju untuk mewartakan RKK Bukit Bendera... memandangkan semua peruntukan perundangan di bawah Akta 172 (Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976) telah dipatuhi," katanya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Datuk Keramat pada majlis sidang media di sini.

Hadir sama, Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng yang juga Exco Hal Ehwal Tanah & Pembangunan Tanah, Penerangan, Kebudayaan & Kesenian, Warisan dan Hal Ehwal Bukan Islam.

Difahamkan, RKK Bukit Bendera adalah suatu pelan induk terperinci yang mengandungi idea-idea formal atau cadangan bagi menjadikan Bukit Bendera sebagai destinasi pelancongan yang unik, selain kaedah penyelesaian bukit mampan.

Draf asal RKK itu disediakan berdasarkan Seksyen 14B Akta 172, dengan mengambil kira pendapat penduduk serta pihak berkepentingan daripada masyarakat setempat, wakil-wakil perniagaan, agensi kerajaan, persatuan-persatuan serta pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dalam siri-siri perbincangan dan rundingan.

Program seranta serta pendengaran awam bagi draf RKK tersebut diadakan pada 14 November 2013 hingga 11 Disember tahun sama, namun tiada permohonan pelanjutan tempoh bagi program seranta.

Tidak cukup dengan itu, pameran draf RKK Bukit Bendera turut diadakan di Ruang Legar Konkos, Tingkat 3, Komtar serta satu lokasi lain di Stesen Bawah Bukit Bendera, sebelum ini.

"Hasilnya, sebanyak 27 borang bantahan awam berbentuk pandangan, bantahan dan cadangan berhubung draf laporan telah diterima daripada individu, badan profesional dan NGO," jelas Jagdeep.

Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Muhammad Yusoff Wazir yang mempengerusikan Jawatankuasa Siasatan Tempatan dan Pendengaran Awam untuk draf RKK Bukit Bendera turut menerima bantahan daripada 12 individu dan lapan wakil organisasi, ketika menjalankan sesi pendengaran awam di Komtar pada 8 Mac 2014.

Jagdeep memberitahu, mesyuarat jawatankuasa itu kemudiannya menyediakan Laporan Keputusan Jawatankuasa Siasatan Tempat dan Pendengaran Awam berwajib untuk dibentangkan kepada Mesyuarat Jawatankuasa Perancang Negeri pada 16 Februari lepas, lalu diluluskan pada 16 dan 26 Februari baru-baru ini.

RKK Bukit Bendera akan diwartakan pada 1 Ogos ini meliputi 468 hektar tanah tinggi di kawasan berkenaan.

MAHKOTA IMPIAN
Suite Berservis & Kedai Pejabat

HAKMILIK KEKAL
DISKAUN 5% untuk Bumiputera
UNIT CONTOH untuk dikunjungi

PUSAT PERNIAGAAN MAHKOTA IMPIAN






**23 unit Kedai Pejabat (69 Hakmilik Strata)**
Luas Tanah (lebih kurang) : 22' x 65' ke atas
Luas Binaan (lebih kurang) : 4,008 kaki persegi ke atas
HARGA JUALAN :
dari **RM2,107,280** dan ke atas



**360 unit Suite Berservis (Menara Mahkota Impian)**
Luas Binaan (lebih kurang) : 1,156 - 1,181 kaki persegi
HARGA JUALAN :
dari **RM456,900** dan ke atas

DNPLAND 龍鳳置地
We build The Good Life

**DNP LAND SDN. BHD.** (367736-A)
(SALES GALLERY)
No. 2338, Jalan Rozhan, Galeri Impian,
14000 Bukit Mertajam, Penang
T : +604-538 7788 / 530 8989 F : +604-530 2033
E : pgmkt@wingtaiasia.com.my

**Menara Mahkota Impian** - Lesen Pemaju : 7432-12/06-2017/01868(L) • Tempoh Sah : 14/06/2016 - 13/06/2017 • Permit Iklan Dan Jualan : 7432-12/06-2017/01868(P) • Tempoh Sah : 14/06/2016 - 13/06/2017 • Hak Milik : Kekal • Bebanan Tanah : Tiada • Kelulusan Pelan Bangunan : MPSP/40/20-45/98 • Pihak Yang Meluluskan : MPSP • Jumlah Unit : 360 unit (Blok B : 112 unit ; Blok C : 112 unit ; Blok D : 136 unit) • Harga Minima : RM466,000.00 • Harga Maksima : RM525,000.00 • Tarikh Dijangka Siap : Jun 2017
Semua maklumat, rekabentuk tersebut tertakluk kepada perubahan dan pengubahsuaian oleh pihak yang berkuasa tertentu atau arkitek / pemaju dan tidak menjadi sebahagian daripada kontrak. Artist's renderings and pictures are impressions only. While illustrations and interiors are only deco suggestions and none can be regarded as representation of facts. 5% Diskaun Untuk Bumiputera. * Terma & Syarat

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi :
04-530 8989 / 04-538 7788

# *"Free Market"* pupuk silaturahim masyarakat

Oleh : **ZAIRIL KHIR JOHARI**
**Ahli Parlimen Bukit Bendera merangkap Pengarah Eksekutif Penang Institute**



ZAIRIL Khir Johari (empat dari kanan) bergambar kenangan dengan Tuan Yang diPertua Negeri (TYT), Tun Dr. Abdul Rahman Abbas (tengah) di Masjid Negeri pada pagi 1 Syawal baru-baru ini.

**TIDAK** ramai dalam kalangan kita sedar betapa banyak barangan yang masih elok disimpan dan tidak digunakan di dalam rumah masing-masing. Lebih malang lagi jika barangan ini kemudiannya terbiar usang atau berakhir di tempat pelupusan sampah.

Maka, pada 25 Jun 2016 yang lalu telah berlangsung program *"free market"* di Medan Selera Desiran Tanjung, Tanjung Tokong yang menjemput orang ramai untuk membawa barangan terpakai yang masih elok untuk diberikan kepada orang lain. Tidak ada had barangan yang boleh disumbangkan dan tidak ada had barangan yang boleh diambil. Semuanya terpulang kepada pemberi dan penerima.

Yang menariknya, *free market* juga merupakan istilah kapitalisme yang membawa maksud ekonomi berdasarkan keuntungan. Pun begitu, *free market* yang dianjurkan ini adalah usaha untuk memperkenalkan citra sosialisme yang berjiwa rakyat. Oleh itu, ia sekaligus mencerminkan konsep sosial demokrasi yang menerimapakai mekanisme pasaran bebas *(free market)*, namun menumpulkannya dengan ciri-ciri sosialisme seperti kebajikan awam dan pengagihan semula harta secara saksama.

Program yang berlangsung antara jam 9 pagi hingga tengahari ini merupakan kerjasama antara Pejabat Ahli Parlimen Bukit Bendera dengan Ahli Majlis MBPP Syerleena Rashid.

Program yang julung kali diadakan ini telah berjaya menarik lebih seratus orang dari pelbagai latar belakang yang membawa pelbagai barangan untuk diberikan secara percuma kepada penduduk tempatan. Antaranya pakaian yang beraneka jenis, buku, permainan kanak-kanak, dan kelengkapan dapur termasuk pinggan mangkuk. Acara ini bukan sahaja menarik masyarakat sekitar Bukit Bendera, malahan juga ada penyumbang yang datang sejauh Kulim.

*Free market* ini merupakan sebahagian daripada inisiatif *Cleaner, Greener* Penang yang bertujuan untuk mendidik masyarakat untuk saling berkongsi. Tambahan pula, acara ini sangat bertepatan dengan semangat bulan Ramadan yang menyeru agar masyarakat memperbanyakkan sedekah dan memberi kepada yang memerlukan.

Di samping itu juga, acara ini merupakan antara usaha Pejabat Ahli Parlimen Bukit Bendera dan MBPP untuk mempromosikan Medan Selera Desiran Tanjung yang terletak di Tanjung Tokong.

Program *free market* ini sudah tentu tidak akan berjaya tanpa kerjasama dan penyertaan masyarakat, khususnya penyumbang dan pengunjung yang hadir beramai-ramai untuk memeriahkan acara ini. Jika berkesempatan, program ini akan dianjurkan lagi pada masa hadapan.

Serambi PENANG INSTITUTE making ideas work



PARA pengunjung memilih barangan untuk diambil dari *"Free Market"*.

| Nama ADUN | No Tel/ No Faks |
|---|---|
| **AIR PUTIH**<br>YAB Tuan Lim Guan Eng<br>limguaneng@penang.gov.my | (T) 04 - 829 0614 |
| **PANTAI JEREJAK**<br>YB Haji Mohd. Rashid Hasnon<br>rashid.hasnon@penang.gov.my | (T) 04 - 646 4700 |
| **PERAI**<br>YB Prof. Dr. P. Ramasamy<br>ramasamy@penang.gov.my | (T) 04 - 399 6689 |
| **PADANG KOTA**<br>YB Chow Kon Yeow<br>chowkonyeow@penang.gov.my | (T) 04 - 226 0218<br>(F) 04 - 226 0218 |
| **BATU MAUNG**<br>YB Datuk Abdul Malik Abul Kassim<br>abdmalik@penang.gov.my | (T) 04 - 626 1968<br>(F) 04 - 626 5496 |
| **BAGAN JERMAL**<br>YB Lim Hock Seng<br>limhockseng@penang.gov.my | (T) 04 - 331 7175<br>(F) 04 - 331 7175 |
| **BATU LANCHANG**<br>YB Law Heng Kiang<br>lawhengkiang@penang.gov.my | (T) 04 - 282 6419<br>(F) 04 - 282 6419 |
| **SUNGAI PUYU**<br>YB Phee Boon Poh<br>pheeboonpoh@penang.gov.my;<br>pheeboonpoh@yahoo.com | (T) 04 - 262 0860<br>012 - 480 5495<br>(F) 04 - 261 8745 |
| **PADANG LALANG**<br>YB Chong Eng<br>chong.eng@penang.gov.my | (T) 04 - 530 3028 |
| **DATO' KERAMAT**<br>YB Jagdeep Singh DEO<br>jagdeepsinghdeo@penang.gov.my | (T) 04 - 226 2464<br>(F) 04 - 227 2464 |
| **SEBERANG JAYA**<br>YB Dr. Afif Bahardin | (T) 04 - 390 5109 |
| **BUKIT TAMBUN**<br>YB Law Choo Kiang<br>lawchookiang@penang.gov.my | (T) 04 - 588 0818<br>(F) 04 - 588 0885 |
| **AIR ITAM**<br>YB Wong Hon Wai<br>wonghonwai@penang.gov.my | (T) 04 - 828 0926<br>(F) 04 - 828 0926 |
| **BERAPIT**<br>YB Ong Kok Fooi<br>ongkokfooi@penang.gov.my | (T) 04 - 530 8476 |
| **MACHANG BUBOK**<br>YB Lee Khai Loon<br>kllee78@gmail.com | (T) 013 - 399 0519<br>(F) 04 - 551 1442 |
| **TANJONG BUNGAH**<br>YB Teh Yee Cheu<br>dappenang.cagw.teh@gmail.com | (T) 04 - 899 9581 |
| **JAWI**<br>YB Soon Lip Chee<br>dunjawi@hotmail.com | (T) 04 - 594 1163<br>(F) 04 - 594 3163 |
| **PENGKALAN KOTA**<br>YB Lau Keng Ee<br>dappengkalankota@gmail.com | (T) 04 - 250 1521<br>04 - 250 1522<br>(F) 04 - 250 1523 |
| **BAGAN DALAM**<br>YB Tanasekharan a/l Autheraphy<br>atana@first.net.my | (T) 04 - 323 5870<br>(F) 04 - 323 5870 |
| **KEBUN BUNGA**<br>YB Cheah Kah Peng<br>kebunbunga24@gmail.com | (T) 04 - 826 5451<br>(F) 04 - 826 5451 |
| **SUNGAI BAKAP**<br>YB Hj. Maktar Hj. Shapee<br>adunan.dunsgbakap@yahoo.com | (T) 04 - 582 7549<br>(F) 04 - 582 8648 |
| **KOMTAR**<br>YB Teh Lai Heng<br>komtarN28@gmail.com | (T) 04 - 227 7068<br>(F) 04 - 227 7068 |
| **PAYA TERUBONG**<br>YB Yeoh Soon Hin<br>clementyeoh@hotmail.com | (T) 04 - 827 8868 |
| **PULAU TIKUS**<br>YB Yap Soo Huey<br>yapsoohueydap@gmail.com | (T) 04 - 226 5217<br>(F) 04 - 227 5217 |
| **PERMATANG PASIR**<br>YB Datuk Hj. Mohd. Salleh Man<br>adunptgpasir@gmail.com | (T) 04 - 398 4226<br>(F) 04 - 398 4226 |
| **BUKIT TENGAH**<br>YB Ong Chin Wen<br>pkrbkttengah@gmail.com | (T) 04 - 508 3977<br>(F) 04 - 508 3677 |
| **PENANTI**<br>YB Dr. Norlela Ariffin<br>norlela.ariffin@gmail.com | (T) 04 - 538 2871<br>(F) 04 - 538 4871 |
| **SUNGAI PINANG**<br>YB Lim Siew Khim<br>dapsungaipinang@hotmail.com | (T) 04 - 282 6630 |
| **BATU UBAN**<br>YB Dr. T. Jayabalan<br>drjayabalan@gmail.com | (T) 04 - 656 2605<br>(F) 04 - 656 0699 |
| **SERI DELIMA**<br>YB Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji<br>rsnrayer@gmail.com | (T) 04 - 659 5611<br>(F) 04 - 659 6611 |
| **DAP PENANG HQ**<br>dappg@streamyx.com | (T) 04 - 228 8482<br>(F) 04 - 228 8514 |
| **PKR PENANG HQ** | (T) 04 - 397 0115 |

| NAMA ADUN | No Tel/ No Faks |
|---|---|
| **PENAGA**<br>YB Mohd. Zain Ahmad | (T) 04 - 351 5825 |
| **BERTAM**<br>YB Shariful Azhar Othman | (T) 012 - 411 4690<br>(F) 04 - 575 8670 |
| **PINANG TUNGGAL**<br>YB Datuk Haji Roslan Saidin | (T) 04 - 398 3555<br>(F) 04 - 397 3555 |
| **PERMATANG BERANGAN**<br>YB Omar Abd. Hamid | (T) 04-573 4630<br>(F) 04-573 4630 |
| **SUNGAI DUA**<br>YB Muhamad Yusoff Mohd. Noor | (T) 04 - 575 7454 |
| **TELOK AIR TAWAR**<br>YB Datuk Jahara Hamid<br>jahara.hamid@gmail.com | (T) 04 - 351 2873<br>(F) 04 - 351 4389 |
| **SUNGAI ACHEH**<br>YB Datuk Mahmud Zakaria<br>datomahmud@umpangroup.com.my | (T) 04 - 593 3100<br>(F) 04 - 593 9529 |
| **BAYAN LEPAS**<br>YB Nordin Ahmad | Sedang dikemaskini |
| **PULAU BETONG**<br>YB Muhamad Farid Saad | (T) 04 - 866 4202<br>(F) 04 - 866 4202 |
| **TELUK BAHANG**<br>YB Shah Haedan Ayoob | (T) 04 - 866 1760<br>(F) 04 - 866 1821 |

| PEGAWAI PENYELARAS KADUN | No Tel/ No Faks |
|---|---|
| **PENAGA**<br>Dahalan Fazil<br>dlan6658@gmail.com | 019 - 727 4388 |
| **BERTAM**<br>Asrol Sani Abdul Razak<br>asrolpkb@gmail.com | 013 - 580 6981 |
| **PINANG TUNGGAL**<br>Muhasdey Muhamad<br>muhasdey@gmail.com | 019 - 437 2887 |
| **PERMATANG BERANGAN**<br>Fahmi Abu Bakar<br>mudiram@gmail.com | 013 - 488 1601 |
| **SUNGAI DUA**<br>Rosli Hassan<br>rosli1971@yahoo.com | 019 - 410 5990 |
| **TELOK AIR TAWAR**<br>Mustafa Kamal Ahmad<br>mustafakamalmkba@gmail.com | 019 - 556 9552 |
| **SUNGAI ACHEH**<br>Azmi Samsudin<br>azmikeadilan@gmail.com | 012 - 594 1515 |
| **BAYAN LEPAS**<br>Azrul Mahathir Aziz<br>ambasegaria.aam@gmail.com | 017 - 594 1976 |
| **PULAU BETONG**<br>Mohd Tuah Ismail<br>mtuah17@gmail.com | 019 - 570 9500 |
| **TELUK BAHANG**<br>Halil Sabri Hamid<br>halilsabri.hsh@gmail.com | 017 - 460 4849 |

## Talian Kecemasan & Perkhidmatan Awam

| | |
|---|---|
| POLIS, AMBULANS, BOMBA & PENYELAMAT | 999 |
| DIREKTORI TELEFON | 103 |
| OPERATOR ANTARABANGSA | 101 |
| HOTLINE MBPP | 04-263 7637<br>04-263 7000 |
| BIRO PENGADUAN AWAM | 04-263 6893 |
| SEKRETARIAT KERAJAAN NEGERI | 04-262 1957 |
| KASTAM | 04-262 2300 |
| IMIGRESEN | 04-250 3419 |
| WCC (*Women's Centre for Change*) | 04-228 0342 |
| Pusat Perkhidmatan Wanita (Seberang) | 04-398 8340 |
| EPF | 04-226 1000 |
| SOCSO | 04-238 9888 |
| JPJ | 04-656 4131<br>04-398 8809 |
| JABATAN PENDAFTARAN | 04-226 5161 |
| *PENANG GLOBAL TOURISM (PGT)* | 04-263 1166 |
| *TOURISM MALAYSIA* | 04-261 0058 |
| KERETAPI BUKIT BENDERA | 04-828 8880 |
| FERI (GEORGETOWN) | 04-210 2363 |
| ( BUTTERWORTH) | 04-310 2377 |
| JAMBATAN PP | 04-398 7419 |
| STESEN KERETAPI BUTTERWORTH | 04-261 0290 |
| PERSATUAN PERLINDUNGAN KANAK-KANAK | 04-829 4046 |
| CAP | 04-829 9511 |
| BEFRIENDERS PENANG | 04-281 5161<br>04-281 1108 |
| PERPUSTAKAAN PP | 04-229 8555 |

## PROGRAM PENGHARGAAN WARGA EMAS/OKU/IBU TUNGGAL/ PROGRAM ANAK EMAS/ PROGRAM RAKAN ANTI KEMISKINAN/ PROGRAM PELAJAR EMAS

| | | | |
|---|---|---|---|
| N1 | Penaga | 010 - 542 9158 | Mohd. Zaki Ismail |
| N2 | Bertam | 012 - 466 9681 | Fatimah Bakar |
| N3 | Pinang Tunggal | 017 - 424 9371 | Tasrin Tugemin |
| N4 | Permatang Berangan | 019 - 556 4664 | R. M Reza |
| N5 | Sungai Dua | 013 - 417 3068 | Siti Zunnurain Zulkafli |
| N6 | Telok Air Tawar | 016 - 463 3866 | Malik Bakar |
| N7 | Sungai Puyu | 012 - 480 5495 | Mr.Lee |
| N8 | Bagan Jermal | 013 - 449 0366 | Yeap Choon Keong |
| N9 | Bagan Dalam | 016 - 473 1963 | Gesan |
| N10 | Seberang Jaya | 04 - 390 5109 | Nor Hayati Mohd. Iskander |
| N11 | Permatang Pasir | 019 - 412 8442<br>013 - 595 6865 | Kamal<br>Rosli |
| N12 | Penanti | 04 - 538 2871<br>04 - 538 3871 | Tira |
| N13 | Berapit | 016 - 401 3507<br>017 - 446 1817 | Mr.Lim<br>Yeoh Ee Yee |
| N14 | Machang Bubuk | 012 - 474 0964<br>012 - 473 0964 | Andrew Chin<br>Ikhwan |
| N15 | Padang Lalang | 017 - 552 8928<br>014 - 945 9786 | Chan<br>Lai |
| N16 | Perai | 04 - 399 6689 | Selvi |
| N17 | Bukit Tengah | 013 - 518 8735 | Lim Tuan Chun |
| N18 | Bukit Tambun | 016 - 404 9120<br>017 - 378 4448 | G.Dumany<br>Khor |
| N19 | Jawi | 017 - 408 4784<br>012 - 456 5018 | Abdul Halim<br>Mr. Khor |
| N20 | Sungai Bakap | 019 - 552 8689<br>012 - 542 4454 | Norjuliana<br>Hasbullah |
| N21 | Sungai Acheh | 0111-508 0215 | Siti Hajar Abdul Aziz |
| N22 | Tanjong Bungah | 012 - 465 0021<br>011 - 12441069 | Tina<br>Hezreen |
| N23 | Air Putih | 04 - 829 0614 | Hong Kian Beng |
| N24 | Kebun Bunga | 012 - 493 3342 | Cheng Kok Eong |
| N25 | Pulau Tikus | 017 - 956 3237 | Quah |
| N26 | Padang Kota | 012 - 431 7015 | Johnny Chee |
| N27 | Pengkalan Kota | 012 - 401 1522 | Ch'ng Chin Keat |
| N28 | KOMTAR | 012 - 423 3227<br>010 - 811 7300 | Benji Ang<br>Razin |
| N29 | Datok Keramat | 04 - 226 2464 | Kalvinder |
| N30 | Sungai Pinang | 04 - 282 6630 | Shuen |
| N31 | Batu Lancang | 04 - 282 6419 | Karuna |
| N32 | Seri Delima | 019 - 4474362<br>012 - 5242549 | Mahen<br>James |
| N33 | Air Itam | 012 - 4730736<br>016 - 4940705 | Anne<br>Janet |
| N34 | Paya Terubong | 012 - 484 1963<br>016 - 205 1185 | Toon Hoon Lee<br>Frankie Kee |
| N35 | Batu Uban | 016 - 480 0232<br>016 - 487 8602<br>016 - 444 3550 | Jalal<br>Khairul<br>Sathya |
| N36 | Pantai Jerejak | 04 - 646 4700 | Aliff / Shamsudin |
| N37 | Batu Maung | 019 - 498 1096<br>016 - 428 6158 | Amirulzaman<br>Danny Ho |
| N38 | Bayan Lepas | 010 - 773 2395 | Firdaus |
| N39 | Pulau Betong | 016 - 407 2135 | Zulkiflee Ahmad |
| N40 | Telok Bahang | 017 - 413 5695 | Johan Abu Bakar |

## SENARAI NAMA AHLI MAJLIS MPSP 2016

| Nama | Telefon |
|---|---|
| MPSP | 04 - 549 7555 |
| David Marshel a/l Pakianathan | 019 - 412 3397 |
| Heng Yeh Shiuan | 016 - 261 2460 |
| H'ng Mooi Lye | 012 - 425 2602 |
| Kumar a/l Kanapathy | 04 - 323 8757<br>016 - 407 6058 |
| Mohamad Shaipol Ismail | 019 - 414 6079 |
| Satees A/l Muniandy | 016 - 438 4767 |
| Siti Nur Shazreen Mohd. Jilani | 019 - 411 8343 |
| Tan Chee Teong | 012 - 401 7718 |
| Tan Cheong Heng | 012 - 487 3101 |
| Tan Chong Hee | 019 - 411 5598 |
| Zulkifli Ibrahim | 012 - 477 5588 |
| Mohd Sharmizan Mohamad Nor | 011 - 1110 6456 |
| Zaini Awang | 019 - 546 3115 |
| Goh Choon Aik | 04-588 3045<br>019 457 3222 |
| Alias Wan Chek | 019 - 540 4553 |
| Ong Jing Cheng | 016 - 445 5709<br>012 - 758 3779 |
| Anuar Yusoff | 04 - 507 5390<br>016 - 4616 390 |
| Amar Pritpal Abdullah | 04 - 582 2020<br>019 - 452 2020 |
| Shuhada Abdul Rahim | 010 - 380 7672 |
| Zulkiply Ishak | 013 - 431 6161 |
| Muhamad Suzuki Ahmad | 012 - 465 4419 |
| Dr. Tiun Ling Ta | 04 - 508 0039 (Tel)<br>04 - 657 0918 (Fax) |
| Wong Chee Keet | 012 - 451 1312 |
| Ahmad Tarmizi Abdullah | 013 - 414 4822 |

## SENARAI PEGAWAI-PEGAWAI PEMBANTU KEWARGANEGARAAN PULAU PINANG

| Bil. | Nama | Daerah | Pejabat / Unit Kewarganegaraan | No. Telefon |
|---|---|---|---|---|
| 1. | Chiam Heng Hak | Timur Laut | Bilik Perkhidmatan Awam, Tingkat 3, KOMTAR. | 04 - 650 5556 |
| 2. | Abdul Rahim Mohamed Nor | Barat Daya | Kuarters Kerajaan Negeri No.1, Jalan Relau, Balik Pulau. | 016 - 482 3549 |
| 3. | K. Krishnasamy | Seberang Perai Utara | Tingkat 1, Pejabat Daerah SPU, Bertam Kepala Batas. | 012 - 488 1553 |
| 4. | P. Rachenamorthy | Seberang Perai Tengah | Pejabat Bangunan MPSP , Jalan Betek, Bukit Mertajam | 019 - 457 2271 |
| 5. | R. Gunalan | Seberang Perai Selatan | Tingkat Dua, Kompleks Pejabat-Pejabat Kerajaan SPS, 14200, Jawi. | 011 - 2666 9091 |

**Nota:**
**Orang awam dipohon menghubungi Pegawai-Pegawai Pembantu Kewarganegaraan untuk menetapkan temujanji masing-masing.**

## SENARAI NAMA AHLI MAJLIS MBPP 2016

| Nama | Telefon |
|---|---|
| MBPP | 04 - 259 2020 |
| Goh Choon Keong | 019 - 471 7931 |
| Gooi Seong Kin | 016 - 457 1271 |
| Teoh Koon Gee | 016 - 419 1938 |
| Harvindar a/l Darshan Singh | 012 - 428 2250 |
| Joseph Ng Soon Siang | 012 - 423 9143 |
| Kala a/p Durai Raj | 016 - 468 4247 |
| Lee Chun Kit | 012 - 519 2152 |
| Ong Ah Teong | 012- 410 6566 |
| Syerleena Abdul Rashid | 019- 225 6502 |
| Wong Yuee Harng | 016 - 439 9121 |
| Francis a/l Joseph | 012 - 474 3321 |
| Muhammad Bakhtiar Wan Chik | 019 - 470 8811 |
| Nur Zarina Zakaria | 011 - 1578 5098 |
| Kumaresan a/l Aramugam | 014 - 945 9621 |
| Felix Ooi Keat Hin | 016 - 417 1331 |
| Ahmad Azrizal Tahir | 012 - 498 4556 |
| Shahul Hameed M.K. Mohamed Ishack | 017 - 473 0194 |
| Ahmad Razaaim bin Azimi | 012 - 572 4711<br>016 - 451 9225 |
| Mhd. Nasir Yahya | 012 - 402 6739 |
| Saiful Azwan Abd Malik | 016 - 463 2787 |
| Dr. Lim Mah Hui | 012 - 422 1880 |
| Eric Lim Seng Keat | 016 - 414 3428 |
| Gan Ay Ling | 012 - 401 2265 |
| Mohamed Yusoff Mohamed Noor | 012 - 472 8114 |

## Kalendar Pelancongan Pulau Pinang Julai - Ogos 2016




**SIDANG REDAKSI BULETIN MUTIARA**

**Penulis:**
YAP LEE YING
AINUL WARDAH SOHILLI, ZAINULFAQAR YAACOB,
NORSHAHIDA YUSOFF, WATAWA NATAF ZULKIFLI

**Jurugambar/Juruvideo:**
CHAN LILIAN, LAW SUUN TING
ALISSALA THIAN, AHMAD ADIL MUHAMAD
DARWINA DAUD

**Jurugrafik:** IDZHAM AHMAD, LOO MEI FERN

Bagi sebarang maklum balas, sila hantar ke:

**Editor BULETIN MUTIARA,**
Tingkat 47, Komtar, 10503 Penang
Telefon : 04-650 5468 ; Fax : 04-261 5923
Email: buletinmutiara.bpkn@gmail.com

# Ubah persepsi, latihan teknikal & vokasional sebagai jaminan pekerjaan

Gambar : **ALISSALA THIAN**



KETUA Menteri ketika memberi ucaptama pada penganjuran *GDVT Industry Engagement Session with Chief Minister* di sini baru-baru ini.

**BAYAN LEPAS –** Masyarakat perlu mengubah persepsi negatif terhadap latihan teknikal dan vokasional sebagai pilihan terakhir dalam prospek kerjaya masing-masing, sebaliknya melihat ia sebagai jaminan pekerjaan.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata, Kerajaan Negeri mempunyai rancangan untuk menjadikan konsep latihan teknikal dan vokasional sebagai pilihan utama terutama dalam kalangan pelajar-pelajar lepasan sekolah.

"Program latihan teknikal dan vokasional perlu 'dibawa' ke sekolah-sekolah di samping memberi peluang kepada kilang-kilang untuk merekrut serta melatih mereka (lepasan sekolah) pada usia muda.

"Cara ini telah terbukti di luar negara dan di Pulau Pinang, ia dilaksanakan melalui Program German Dual Vocational Training (GDVT) bermula September tahun lalu dengan penglibatan serta usahasama bersama-sama pemain-pemain industri (kilang).

"Kesungguhan Kerajaan Negeri menggalakkan latihan sebegini adalah untuk menampung kekurangan tenaga kerja mahir, mungkin terlalu kecil (peratusan pekerja mahir) jika dibandingkan dengan negara maju lain, namun inisiatif sedang dijalankan," ucapnya pada penganjuran *GDVT Industry Engagement Session with Chief Minister* di *Penang Skills Development Centre* (PSDC) di sini baru-baru ini.

Menurut Guan Eng, Kerajaan Negeri telah memperuntukkan sejumlah RM2 juta berhubung pelaksanaan program GDVT bagi melahirkan tenaga kerja dan berketrampilan dalam bidang teknikal serta vokasional.

"Oleh itu, kita (Kerajaan Negeri) merancang untuk mengadakan siri jelajah pengambilan pelajar baru bagi memperluaskan jangkauan program ini terutama sekolah-sekolah di luar bandar.

"Kita (Kerajaan Negeri) juga akan memperluaskan program ini bukan sahaja untuk pemain industri dan syarikat multinasional (MNC), tetapi juga untuk pengusaha industri kecil dan sederhana (PKS) bagi mewujudkan kelompok industri yang kuat," ujarnya.

**Kini, seramai 120 pelajar menyertai program GDVT di tujuh syarikat MNC dengan 80 peratus kos dibiayai syarikat terlibat melalui Kumpulan Wang Pembangunan Sumber Manusia dan bakinya oleh Kerajaan Negeri.**

**Di bawah program berkaitan, pelatih menerima elaun bulanan sebanyak RM1,000 yang akan ditanggung oleh syarikat-syarikat berkaitan.**

# Perbezaan pendapat di P. Pinang bentuk demokrasi negeri - KM

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**




PERSEKITARAN pejabat baru PI yang dilancarkan baru-baru ini.

**GEORGE TOWN –** Badan pemikir negeri, *Penang Institute* (PI) baru-baru ini meluncurkan pejabat baru dan pusat penyelidikan yang terletak di No. 10, Jalan Brown dekat sini..

Peluncuran tersebut menandakan permulaan baharu dalam meningkatkan keupayaan badan berkaitan sekaligus menyediakan kemudahan dan persekitaran kerja yang lebih kondusif.

Majlis peluncuran itu disempurnakan Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng, yang juga merupakan Pengerusi PI.

Hadir sama, Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Mohd. Rashid Hasnon, Timbalan Ketua Menteri II, Prof. Dr. P. Ramasamy, Pengarah Eksekutif PI yang juga Ahli Parlimen Bukit Bendera, Zairil Khir Johari serta barisan Exco Kerajaan Negeri.

Ketua Pegawai Eksekutif PI, Dr. Lim Kim Hwa, Pengarah PI yang juga Ahli Parlimen Bukit Bendera, Steven Sim Chee Keong dan Pengerusi Think City, Datuk Dr. Anwar Fazal antara tetamu kehormat yang turut serta.

Guan Eng dalam ucapan perasmiannya berkata, pejabat baru PI yang menelan belanja RM5 juta itu bukan sahaja menyediakan persekitaran kerja yang baru, tetapi juga kemudahan penyelidikan yang mampu meningkatkan keupayaan dan aspirasi badan berkaitan.

"Saya percaya dengan adanya pejabat baru ini, ia mampu menanam wawasan dan semangat dalam kalangan kira-kira 40 kakitangan *Penang Institute* (PI).

"(Dan) ini merupakan hasrat Kerajaan Negeri dalam menjana idea-idea baru yang bukan sahaja bernas demi masa hadapan yang lebih baik, malah juga memberi manfaat kepada masyarakat khususnya di Pulau Pinang, berdasarkan fakta dan angka.

**"Pastinya kita (Kerajaan Negeri) menuntut yang terbaik daripada *Penang Institute* (PI) kerana komitmen dan jumlah dana yang kita telah salurkan adalah berlandaskan perkaderan bersejarah.**

**"Kita mahu penjanaan idea-idea daripada mereka yang terbaik**," ucapnya penuh semangat.

Menurut Guan Eng, **Kerajaan Negeri telah membuat pelaburan besar dalam memperoleh idea-idea baru yang bernas dan terbaik berbanding negeri-negeri lain di Malaysia kerana ia tidak menjamin pulangan ekonomi mahupun faedah politik.**

**Namun, jelasnya, idea-idea bernas dan terbaik berkaitan mampu menjana 3T iaitu *talent* (bakat), *technology* (teknologi) dan *tolerance* (toleransi).**

**"Kita di Pulau Pinang membenarkan perbezaan pendapat dan perbezaan inilah membentuk sebahagian demokrasi negeri.**

"Perbezaan antara bakat pula dianggap sebagai sihat kerana ia membolehkan idea-idea baru dijana dan berkembang," ujarnya.

Dalam pada itu, Guan Eng turut mengingatkan kakitangan PI bahawa mereka adalah sebahagian daripada Kerajaan Negeri yang membawa imej Pulau Pinang.

"Setiap tindakan anda (kakitangan PI) perlulah mencerminkan imej Kerajaan Negeri dan anda tidak boleh mencemarinya dengan tindakan yang bukan-bukan.

"Saya percaya, dengan pelaburan yang besar ini, *Penang Institute* (PI) akan 'menjaga' dan meletakkan Kerajaan Negeri dalam keadaan baik," katanya.

Sebelum ini, PI dikenali sebagai Institut Penyelidikan Sosio-Ekonomi dan Alam Sekitar (SERI) pada tahun 1997 dan dijenamakan semula pada tahun 2011 sebagai PI.

Bertindak sebagai badan penasihat awam, PI sentiasa melaksanakan kajian sejarah, ekonomi, perancangan bandar, politik dan cabaran sosial negeri.

# Satu lagi projek rumah terbengkalai 10 tahun berjaya siap bawah KN Pakatan Harapan

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar : **DARWINA MOHD. DAUD**

**BUKIT TAMBUN** – **Fasa kedua projek perumahan mampu milik Taman Murai Jaya yang terbengkalai hampir 10 tahun sejak era Barisan Nasional (BN) menguasai Kerajaan Negeri terdahulu akhirnya berjaya disiapkan serta mendapat Sijil Kelayakan Menduduki (OC) daripada pentadbiran Ketua Menteri Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng di sini baru-baru ini.**

**"Sekali lagi sebuah projek terbengkalai, kerajaan Barisan Nasional (BN) dahulu tiada melakukan apa-apa untuk menyiapkan projek ini, telah pun berjaya dihidupkan kembali sehingga siap oleh Kerajaan Negeri Pakatan Harapan Pulau Pinang,"** ujarnya pada Majlis Penyerahan OC Fasa 2 Taman Murai Jaya di sini baru-baru ini.

Menurut Guan Eng, sepatutnya sejumlah rumah kos rendah perlu dibina dalam fasa dua projek itu bagi membolehkan 43 rumah mampu milik di sini mendapat OC.

Namun, jelas beliau, Kerajaan Negeri melonggarkan syarat kelulusan supaya pemaju baharu dapat menyiapkan fasa dua projek itu dahulu segera mungkin.

"Hanya Kerajaan Negeri sahaja mempunyai kuasa untuk memberikan pengecualian atau kelonggaran.

"Oleh kerana tiada rumah kos rendah (KR) dibina di sini, maka pemaju menyerahkan sebidang tanah berkeluasan 33,000 kaki persegi untuk Kerajaan Negeri atau pemaju swasta lain membina 72 unit rumah kos rendah (termasuk 16 lot kedai) nanti.

"Rumah kos rendah mesti dibina mengikut pelan asal projek, selain siap 43 unit rumah mampu milik di sini," ujarnya yang juga Exco Hal Ehwal Tanah & Pembangunan Tanah, Penerangan, Kebudayaan & Kesenian, Warisan dan Hal Ehwal Bukan Islam.

Ekoran itu, Guan Eng turut merakamkan penghargaan kepada Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bukit Tambun, Dato' Law Choo Kiang yang juga Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang, Jagdeep Singh Deo (Exco Perancangan Bandar & Desa dan Perumahan) serta Dato' Maimunah Mohd. Sharif (Yang di-Pertua Majlis Perbandaran Seberang Perai, MPSP) yang gigih memainkan peranan masing-masing sehingga projek terbengkalai itu siap dan mendapat OC



**PARA penerima OC rumah fasa dua Taman Murai Jaya merakamkan gambar kenangan-kenangan dengan Ketua Menteri serta pemimpin Kerajaan Negeri dalam Majlis Penyerahan OC Fasa 2 Taman Murai Jaya di sini baru-baru ini.**

pada 20 Jun lalu.

Difahamkan, pemaju asal, mendapat kelulusan pelan kebenaran merancang daripada MPSP sejak tahun 2007, lalu terbengkalai sehingga tahun 2010.

Susulan itu, Malaysia Building Society Berhad (MBSB) pada 6 Oktober 2010 melantik Tetuan WMS Associates untuk menyiapkan projek terbengkalai itu, serta mendapat sokongan proaktif daripada Kerajaan Negeri hari ini.

Pemaju baharu itu berjaya menyiapkan fasa dua projek itu, yang terdiri oleh 24 buah rumah berkembar dua tingkat (plot 17-40) berharga RM328,000 seunit serta 19 unit rumah teres dua tingkat (plot 41-59) dengan harga RM328,000 seunit.

Sebelum itu, Jagdeep memberitahu, terdapat tujuh projek terbengkalai di Seberang Perai sehingga kini, iaitu tiga di daerah Seberang Perai Utara (SPU), Seberang Perai Tengah, SPT (2) dan daerah Seberang Perai Selatan, SPS (2).

Tambah beliau, enam projek terbengkalai termasuk fasa dua Taman Murai Jaya itu berjaya dihidupkan semula oleh Kerajaan Negeri hari ini, dan akan menyumbang 1,600 unit rumah pelbagai kategori di Seberang Perai kelak.

"Hanya satu projek terbengkalai Taman Singgahsana Putera dekat Teluk Air Tawar (SPU) yang terdiri daripada sembilan unit rumah masih belum dihidupkan oleh Kerajaan Negeri, enam projek lain berjaya dihidupkan semula dan ada yang telah pun siap seperti fasa dua Taman Murai Jaya ini," jelasnya yang juga ADUN Datuk Keramat.

Exco Kerja Raya, Pengangkutan dan Utiliti, Lim Hock Seng, ADUN Jawi, Soon Lip Chee serta dua Ahli Majlis MPSP, H'ng Mooi Lye dan Heng Yeh Shiuan turut sertai majlis penyerahan OC tersebut.

# Warta Hutan Simpan Ulu Muda, gesa KM kepada Pengerusi MSAN

Oleh : **NORSHAHIDA YUSOFF**

**GEORGE TOWN** – Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Ahmad Zahid Hamidi digesa campur tangan dan menghentikan segera semua aktiviti pembalakan di Hutan Simpan Ulu Muda dekat negeri Kedah serta mewartakannya sebagai sebuah kawasan tadahan air yang dilindungi sepenuhnya.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata, **usaha melindungi kawasan tadahan air tersebut mampu mengurangkan risiko dan menyelamatkan kira-kira lebih 2 juta penduduk di Pulau Pinang dan selatan Kedah daripada berdepan masalah krisis air terutamanya ketika musim kemarau panjang seperti fenomena Super El-Nino yang berlaku di negara ini baru-baru ini.**

**"Jika Hutan Simpan Ulu Muda yang menjadi kawasan tadahan air dirosakkan, sumber kualiti air mentah utama penduduk Pulau Pinang dan selatan Kedah dari Sungai Muda akan terjejas serta mengancam kualiti air terawat yang dibekalkan ke kawasan Utara Semenanjung," katanya dalam sepucuk surat yang ditujukan kepada Ahmad Zahid bertarikh 11 Julai lalu.**

**Surat tersebut merupakan yang kedua daripada pihak Kerajaan Negeri Pulau Pinang kepada Ahmad Zahid yang juga merupakan Pengerusi Majlis Sumber Air Negara (MSAN).**

Tambah Guan Eng, sebanyak 80 peratus air mentah ke Pulau Pinang bergantung kepada sumber Sungai Muda iaitu melebihi 1 bilion liter setiap hari, manakala, 14 loji rawatan air negeri Kedah turut mengabstrak air dari sungai yang sama.

Dalam surat rasminya tersebut, Guan Eng yang juga merupakan Ahli Parlimen Bagan memberitahu bahawa aktiviti pembalakan di Hutan Simpan Ulu Muda turut akan mengancam beribu-ribu perniagaan, syarikat pembuatan berteknologi tinggi di Taman Teknologi Tinggi Kulim, sektor perindustrian di Pulau Pinang dan pendapatan golongan pesawah.

Penduduk, **ROHAYA ABDUL RANI,** 34, yang ditemui kemudian berkata, beliau sekeluarga menyokong penuh kempen-kempen menjaga alam sekitar anjuran MPSP sebelum ini.

"Saya dapat lihat Pulau Pinang sekarang ni tak macam dulu lagi, malah Kerajaan Negeri lebih mementingkan aspek kebersihan untuk menjadikan negeri ini bebas dari slogan 'Pulau Pinang Darul Sampah'," ujar beliau.

Nada sama turut dikongsi oleh seorang penduduk lain, Adli Lai Abdullah, 59.



# Pindaan Akta Kanak-kanak 2001 perlu perincian lanjut - Exco

Oleh: **NORSHAHIDA YUSOFF**
Gambar : **SHUM JIAN-WEI**

**GEORGE TOWN** – Pindaan terhadap Akta Kanak-kanak 2001 yang memperuntukkan tindakan lebih tegas terhadap pesalah jenayah dilihat tidak mencukupi untuk melindungi hak dan keselamatan kanak-kanak di negara ini.

> Kes penderaan kanak-kanak, boleh dilaporkan menerusi Talian Kasih di 15999.

Pindaan akta berkaitan yang diluluskan pada April 2016 membabitkan lebih 70 peratus penggubalan semula (akta berkaitan) termasuk mewujudkan daftar pelaku jenayah.

Exco Belia & Sukan, Pembangunan Wanita, Keluarga dan Komuniti, Chong Eng berkata, Akta Kanak-kanak 2001 masih memerlukan penelitian lanjut untuk perlindungan terhadap golongan kanak-kanak secara menyeluruh termasuk menghalang kes eksploitasi seksual seperti pedofilia yang terus meningkat di negara ini.

"Sehingga kini, terdapat sebilangan kes (pedofilia) terus mencatatkan peningkatan, terutamanya kes jenayah seksual dan peratusan tinggi adalah laporan kes-kes melibatkan gadis.

"Saya percaya, apa yang lebih penting adalah mengenalpasti langkah komprehensif bagi mengatasi masalah ini, di samping meningkatkan kesedaran mengenai jenayah seksual atau pedofilia terhadap kanak-kanak," ujarnya ketika mempengerusikan perbincangan meja bulat yang dianjurkan oleh Perbadanan Pembangunan Wanita Pulau Pinang (PWDC) di sini baru-baru ini.

Beberapa Ahli Parlimen, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) serta wakil-wakil dari pihak berkuasa tempatan (PBT), agensi-agensi kerajaan dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) turut serta dalam persidangan berkaitan.

Difahamkan, undang-undang baru yang diperkenalkan telah meningkatkan jumlah penalti kepada RM50,000 dan 20 tahun penjara atau kedua-duanya sekali jika disabitkan kesalahan di bawah akta tersebut.

Justeru, Chong Eng berharap butiran lanjut perbincangan tersebut dapat dibawa ke persidangan Parlimen akan datang sebelum ianya diwartakan.

"Penting untuk merangka satu Prosedur Operasi Standard (SOP) bagi memberi pendedahan kepada masyarakat dan meningkatkan kesedaran umum," jelas beliau yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Lalang.



CHONG Eng (kanan) ketika mempengerusikan perbincangan meja bulat mengenai hak dan keselamatan kanak-kanak anjuran PWDC di sini baru-baru ini.

# Letakkan keluarga sebagai keutamaan – Chong Eng

**GEORGE TOWN** – Ibu bapa disarankan agar meluangkan masa berkualiti bersama anak-anak termasuk memberi perhatian terhadap perasaan, kehendak serta sentiasa berkomunikasi agar mereka tidak mudah terpengaruh dengan masalah sosial.

Mengulas lanjut, Exco Belia & Sukan, Pembangunan Wanita, Keluarga dan Komuniti, Chong Eng memberitahu, ibu bapa perlu memainkan peranan masing-masing dalam memastikan pengukuhan institusi kekeluargaan dapat dicapai.

Tambahnya, sekiranya institusi kekeluargaan itu kukuh, maka ia mampu menjadikan masyarakat di negeri ini sebuah komuniti yang berdaya saing, berjaya dan bahagia.

"Kerajaan Negeri amat prihatin dengan masalah sosial yang berpunca daripada kepincangan sesebuah institusi kekeluargaan.

"Oleh itu, saya berharap dan menyeru kepada semua agar dapat memastikan setiap ahli keluarga masing-masing mengamalkan kehidupan yang sejahtera dan penuh kasih sayang.

"Saya percaya, sekiranya kita meletakkan keluarga sebagai keutamaan, banyak masalah mampu diselesaikan termasuk gejala sosial dalam kalangan belia kini," ucapnya dalam Majlis Penutupan Sambutan Penang International Day of Families di sini baru-baru ini.

**Chong Eng dalam pada itu memberitahu, setiap ibu bapa dan ahli keluarga perlu prihatin dan peka dengan peranan masing-masing agar hubungan sesama ahli keluarga terpelihara.**

**"Ibu bapa perlu tahu membahagikan masa dan tidak hanya mementingkan karier semata-mata.**

**"Ada dalam kalangan ibu bapa hanya memberi wang kepada anak-anak sebagai tanda 'tanggungjawab'.**

**"Namun, mereka (ibu bapa) lupa bahawa wang ringgit tidak mampu memberi kebahagiaan.**

**"Sebaliknya, luangkanlah masa yang berkualiti dengan anak-anak, bawalah ahli keluarga anda untuk bercuti atau melakukan aktiviti bersama di hujung minggu,"** ujarnya yang turut menyuarakan keyakinan bahawa ibu bapa yang hebat mampu melahirkan institusi kekeluargaan yang mantap.

Dalam majlis sama, Chong Eng turut meluangkan masa menyampaikan hadiah kepada para pemenang bagi dua pertandingan, iaitu pertandingan menulis esei dan pertandingan fotografi yang turut diadakan bersempena penganjuran berkaitan.

Pemenang bagi setiap kategori menerima hadiah wang tunai serta sijil penyertaan.

Sambutan Penang International Day of Families julung kali diadakan tahun ini hasil kerjasama Kerajaan Negeri dan *Impact Penang*, iaitu sebuah komuniti yang memudahcarakan pelbagai inisiatif transformasi bandar di Pulau Pinang.

*International Day of Families* disambut pada 15 Mei setiap tahun sejajar dengan resolusi yang dibuat oleh Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) pada tahun 1994 untuk meningkatkan kesedaran terhadap pelbagai isu berkaitan institusi kekeluargaan.



PERBADANAN Pembangunan Belia Pulau Pinang (PYDC) akan menganjurkan Bengkel Demokrat Muda: Demokrasi, Aktivisme & Governan 2016.

Bengkel ini bertujuan untuk mendedahkan para peserta dengan konsep dan praktik demokrasi, aktivisme dan juga governan melalui cara yang interaktif dan menyeronokkan.

Bengkel ini dibahagikan kepada tiga slot (pilih salah satu) seperti berikut:

Slot 1 – 5-7 Ogos 2016
(tarikh tutup pendaftaran: 29 Julai 2016)
Slot 2 – 26-28 Ogos 2016
(tarikh tutup pendaftaran: 19 Ogos 2016)
Slot 3 – 2-4 September 2016
(tarikh tutup pendaftaran: 26 Ogos 2016)
Tempat: Red Rock Hotel, Jalan Macalister, Pulau Pinang

Penginapan dan semua kemudahan berkaitan disediakan oleh pihak penganjur. Bawa diri je..

Bengkel ini terbuka kepada semua anak muda yang berumur 18 hingga 30 tahun

TEMPAT ADALAH TERHAD.

Mereka yang berminat boleh memilih salah satu slot yang bersesuaian dan mengisi borang penyertaan (link di bawah). Mereka yang terpilih akan dimaklumkan melalui email/telefon dalam masa terdekat. Peserta terpilih dikehendaki membayar deposit pendaftaran sebanyak RM50 (akan dikembalikan selepas program).

Sebarang pertanyaan lanjut boleh berhubung terus dengan abang sekretariat:
Mohd Izzuddin Ramli
Tel: +60134573851
Emel: sidangmuda@gmail.com
Sila layari facebook kami di:
facebook.com/pydc.my





Pusat Perniagaan Sentral Jaya

5% Diskaun Untuk Bumiputera







*Pembeli-pembeli Bumiputera yang berminat sila hubungi:*
***Bahagian Perumahan,***
***Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri***
***Paras 20, KOMTAR, 10503 Pulau Pinang***
*Tel: 04-6505 242/6505 244 • Fax: 04-2622 904*

*Project managed by*
**Harvest Revolution Sdn. Bhd.** (934115-X)
No. 1349, Jalan Berjaya, Kampung Baru, 14000 Bukit Mertajam, Pulau Pinang
Tel: **04-537 5333** • Fax: **04-538 1001**

Jumlah unit : 22 unit Bangunan Komersial 2 Tingkat Berkembar
Tarikh Dijangka Siap : Dec' 2016
Yang Meluluskan Pelan Bangunan : Majlis Perbandaran Seberang Perai
No. Rujukan Pelan Bangunan : 23(A-C)MPSP/40/20-41/45
Keluasan Binaan : 3,121kps (Min) 4,337 kps (Mak)
Hakmilik Kekal

# *Sekitar Majlis Rumah Terbuka Hari Raya Aidilfitri di Pulau Pinang.*



▲ KETUA Menteri dan isteri mengadakan kunjungan rasmi terhadap Tuan Yang diPertua Negeri (TYT) pada sambutan 1 Syawal di Seri Mutiara.



▲ TYT, Tun Dr. Abdul Rahman Abbas (dua dari kiri) dan isteri menyampaikan 'duit raya' kepada pengunjung-pengunjung 'kecil' di Majlis Rumah Terbuka Hari Raya Aidilfitri beliau.



▲ *POSE* menarik Timbalan Ketua Menteri I merangkap ADUN Pantai Jerejak, Dato' Mohd. Rashid Hasnon pada majlis sambutan KADUN beliau.



▲ SETIAUSAHA Kerajaan Negeri, Dato' Seri Farizan Darus (sembilan dari kiri) dan isteri bergambar kenangan bersama-sama ahli jawatankuasa Majlis Rumah Terbuka Aidilfitri Peringkat Negeri yang berlangsung di SPICE.



▲ AHLI Parlimen Permatang Pauh, Datuk Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail bergambar bersama-sama seorang tetamu cilik istimewa pada penganjuran Rumah Terbuka Aidilfitri peringkat Parlimennya.



▲ AHLI Dewan Undangan Negeri (ADUN) Seberang Jaya, Dr. Afif Bahardin dan isteri menyampaikan sumbangan 'duit raya' kepada golongan kanak-kanak yang hadir pada sambutan rumah terbuka Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN)nya.



▲ AHLI Parlimen Bukit Bendera, Zairil Khir Johari (kiri sekali) bersalaman dengan sebahagian pengunjung Majlis Jamuan Rakyat Aidilfitri 2016 JKKK Tanjung Tokong di Masjid Tuan Guru.



◀ SEBAHAGIAN tetamu istimewa bersalaman dengan ADUN Batu Maung, Dato' Abdul Malik Abul Kassim pada penganjuran Majlis Rumah Terbuka Aidilfitri KADUNnya.



◀ PELBAGAI lapisan masyarakat menghadiri sambutan Majlis Rumah Terbuka ADUN Padang Kota, Chow Kon Yeow (kiri sekali).

# Berat kutipan sampah MPSP berkurangan - YDP

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**
Gambar : **DARWINA MOHD. DAUD**

**SEBERANG JAYA –** Berat kutipan sampah direkodkan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) dalam tempoh enam bulan pertama tahun ini mencatatkan penurunan berbanding tempoh sama pada 2015.

Mengulas lanjut, Yang di-Pertua (YDP) MPSP, Dato' Maimunah Mohd. Sharif berharap, tahap kesedaran komuniti Seberang Perai terhadap peri penting amalan kitar semula serta pengasingan sisa di punca *(segregation at source)* akan terus meningkat, khususnya melalui program-program kempen yang dilaksanakan di peringkat pihak berkuasa tempatan (PBT).

"Pada 2015, kutipan sampah yang dicatatkan dari Januari hingga Mei adalah berjumlah 189,240.46 tan, manakala bagi tempoh sama tahun 2016, 172, 232.56 tan... mencatatkan penurunan sebanyak 17,008 tan.

"Kita (MPSP) ambil positif kadar kutipan sampah yang berkurangan ini, namun jangan pula kita 'menambahkan' sampah dari sudut lain," ujarnya sejurus selesai mempengerusikan Mesyuarat Majlis Penuh MPSP di Kompleks Ibu Pejabat MPSP dekat Bandar Perda di sini baru-baru ini.

Bercakap pada sidang media sama, Pengarah Perkhidmatan Perbandaran MPSP, Mohd. Puad Hamid memberitahu, rekod kutipan bagi Dasar Pengasingan Sisa Di Punca seakan mendapat kerjasama yang menggalakkan daripada pemilik-pemilik premis berwajib.

"Pada minggu pertama, sebanyak 4,891 premis memberi kerjasama dengan kutipan (sisa yang boleh dikitar semula seberat) 4,524 kilogram (kg), minggu kedua (12,689 premis, 6,954kg dan minggu ketiga (8,785 premis, 5,650 kg).

"Minggu keempat belum dapat dipastikan sepenuhnya, tetapi, apa yang saya boleh katakan, kini jumlah beratnya sudah hampir menyamai kutipan minggu ketiga," jelas beliau.

Mengulas lanjut, Mohd. Puad memberitahu bahawa mulai 1 Jun, jadual kutipan bagi sisa yang boleh dikitar semula atau boleh diasingkan adalah pada setiap hari Sabtu, sungguhpun penguatkuasaan sepenuhnya Dasar Pengasingan Sisa Di Punca adalah pada Jun tahun depan.

Setiausaha Perbandaran MPSP, Sr. Rozali Mohamud serta barisan Ahli Majlis bagi MPSP lain turut sertai sidang media itu.

Dalam perkembangan lain, Maimunah memberitahu, MPSP berjaya mendapat pengiktirafan *'President's Garden Award'* pada penganjuran Festival Taman dan Bunga, Floria Putrajaya 2016.

"Kita (MPSP) bertanding mewakili Kerajaan Negeri Pulau Pinang dalam kategori Taman Negeri sambil menampilkan konsep pameran Ombak Chrysanthemum (kekwa).

"Anugerah tersebut membolehkan MPSP membawa pulang sijil serta trofi," jelas beliau.



**MAIMUNAH Mohd. Sharif (dua dari kanan) dan Sr. Rozali Mohamud (tiga dari kiri) bersama-sama Ahli-ahli Majlis bagi MPSP memerhatikan trofi President's Garden Award yang dimenangi MPSP pada penganjuran Festival Taman dan Bunga, Floria Putrajaya 2016 selepas berlangsungnya Mesyuarat Majlis Penuh MPSP di sini baru-baru ini.**



**CHOW Kon Yeow (tengah) dan Chris Lee Chun Kit (dua dari kiri) bersama-sama Ahli-ahli Majlis MBPP menunjukkan simbolik protes terhadap penyalahgunaan kemudahan parkir OKU bersempena Majlis Perasmian Kempen Mesra Kemudahan OKU di sini baru-baru ini.**




Oleh : **ME**

# Tindakan tegas guna parkir OKU – Ahli Majlis

**PADANG KOTA –** Sebanyak 243 Pemberitahuan Tentang Kesalahan (PTK) atau saman dikeluarkan oleh Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) pada Januari hingga Mei 2016 atas kesalahan meletak kenderaan di petak parkir khas orang kurang upaya (OKU).

Daripada jumlah tersebut, 220 saman adalah membabitkan jumlah kompaun masing-masing bernilai RM100, kunci tayar atau *clamp* (14) dan ditunda kerana meletak kenderaan bukan di ruang parkir (9).

Ahli Majlis bagi Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Chris Lee Chun Kit berkata, pihaknya memandang serius kesalahan membabitkan kenderaan yang diletakkan di ruang parkir khas.

"Orang ramai dinasihati agar tidak mementingkan diri sendiri dengan menggunakan kemudahan yang dikhaskan untuk OKU demi kepentingan diri sendiri.

"Seseorang yang normal sepatutnya berasa malu apabila menggunakan kemudahan yang dikhaskan untuk golongan lebih memerlukan," katanya pada Majlis Perasmian Kempen Mesra Kemudahan OKU di sini baru-baru ini.

Hadir menyempurnakan majlis perasmian berkaitan ialah Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalu Lintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow. Turut serta, beberapa Ahli Majlis MBPP antaranya, Wong Yuee Harng, Saiful Azwan Abdul Malik, D. R. Kala dan Joseph Ng Soon Siang.

Mengulas lanjut, Chun Kit memberitahu, MBPP berhasrat untuk terus menunda dan mengenakan tindakan tegas terhadap semua kenderaan yang didapati meletakkan kenderaan di parkir OKU.

"Saya hendak jelaskan di sini, dalam tempoh masa tertentu, kita (MBPP) menghadapi masalah kekurangan lori penunda, apabila berhadapan dengan situasi berkaitan, MBPP akan mengenakan tindakan 'berbeza' terhadap pesalah trafik ini,'' jelas beliau.

# Dasar ambil warga tempatan laksana kerja 3D MPSP jamin kekal - KM

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**
Gambar : **DARWINA MOHD. DAUD**

**PADANG LALANG –** Ketua Menteri Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata, Kerajaan Negeri hari ini akan mengekalkan dasar pengambilan pekerja tempatan untuk pekerjaan 3D atau *Dirty, Difficult & Dangerous*.

Dalam nada terharu, Guan Eng memberi jaminan itu ketika menerima memorandum daripada sekumpulan kakitangan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) baru-baru ini.

Katanya, dasar 3D tidak akan berubah sungguhpun sebarang kemungkinan terjadi kepada diri beliau.

**"Kami (Kerajaan Negeri) tidak percaya bahawa pekerja rakyat Malaysia tidak berminat dalam pekerjaan 3D.**

**"Apabila MPSP menawarkan 2,508 pekerjaan, ada lebih 25,000 pemohon, sekaligus menangkis pandangan negatif penghinaan jahat ini.**

**"(Dasar 3D ini sekaligus) membuktikan bahawa pekerja Malaysia rela kerja dalam sektor**



KETUA Menteri sambil ditemani Sr. Rozali Mohamud (barisan depan, dua dari kanan) meramahi salah seorang kakitangan 3D MPSP pada Majlis Roll Call Bersama-sama Ketua Menteri di Pejabat Cawangan MPSP dekat Jalan Betek di sini baru-baru ini.

**3D, sekiranya dilayan dengan baik serta dibayar gaji yang munasabah,"** katanya pada Majlis Roll Call Bersama-Sama Ketua Menteri di Pejabat Cawangan MPSP dekat Jalan Betik di sini baru-baru ini.

Menurut Guan Eng, Kerajaan Negeri melalui MPSP tidak kisah terpaksa berbelanja lebih asalkan warganegara mempunyai peluang untuk berkhidmat.

Ujarnya, sejumlah RM66,180,467 dibelanjakan untuk mengekalkan dasar ini, berbanding kos RM46,097.044 jika melaksanakan dasar *outsource* dengan melantik kontraktor.

"Bagaimanapun, **Kerajaan Negeri tidak kisah, malah sanggup menanggung kos 43 peratus atau RM20 juta (RM20,083,423) kerana ianya memberi peluang pekerjaan kepada rakyat kita dan bukan warga asing, dan seterusnya dapat menyara hidup 2,508 keluarga Malaysia,"** katanya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Air Putih.

Tambah Guan Eng, Kerajaan Negeri mampu melaksanakan pengambilan warganegara untuk kerja-kerja 3D kerana mempunyai lebihan belanjawan saban tahun.

Exco Kebajikan, Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar, Phee Boon Poh, Lim Hock Seng (Exco Kerja Raya, Utiliti dan Pengangkutan), Ahli Parlimen Bukit Mertajam, Steven Sim Chee Keong; Setiausaha Perbandaran MPSP, Sr. Rozali Mohamud; Pengarah Jabatan Perkhidmatan Perbandaran MPSP, Mohd. Puad Hamid dan Ahli-ahli Majlis bagi MPSP turut sertai majlis itu.

Rozali sendiri yang menyerahkan memorandum yang ditandatangani 2,508 pekerja 3D tersebut kepada Guan Eng.

# 'Sakura Malaysia' hijaukan kawasan Taman Lalulintas

**GEORGE TOWN –** Dalam usaha berterusan bagi menjadikan Pulau Pinang sebagai sebuah negeri hijau, sejumlah 20 pokok *Tecoma* atau lebih dikenali sebagai 'Sakura Malaysia' ditanam di sepanjang Jalan Nirwana dan Jalan Lim Eow Thoon berdekatan Taman Lalulintas dekat sini baru-baru ini.

Malah, **sejumlah RM10,000 diperuntukan oleh Ahli Majlis bagi Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Wong Yuee Harng bagi tujuan tersebut.**

Menurut Yuee Harng, inisiatif berterusan perlu dilaksanakan dalam memastikan usaha Kerajaan Negeri ke arah sebuah bandar raya hijau tercapai.

**"Inisiatif ini merupakan sebahagian daripada janji saya pada awal tahun ini kepada penduduk setempat bagi menghijaukan kawasan berhampiran taman ini.**

"Sebagai makluman, pokok *Tecoma* ini memerlukan cahaya matahari yang banyak bagi membolehkannya membesar dan berbunga dengan cantik.

"Di samping itu, beberapa batang anak pokok renek pelbagai spesies berusia antara satu hingga tiga bulan di sepanjang jalan-jalan ini turut diubah tanam ke dalam kawasan Taman Lalulintas.

"Bukan sahaja mencantikkan kawasan Taman Lalulintas, malah kawasan sekitarnya juga," ujarnya pada majlis penanaman pokok berkenaan di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Komtar, Teh Lai Heng dan Ahli Parlimen Tanjung, Ng Wei Aik.

Difahamkan, pokok *Tecoma* dengan ketinggian 4.5 meter dan ukur lilit 75 mm (milimeter) akan mula membesar dan berbunga dalam tempoh setahun.



**WONG Yuee Harng (kanan sekali) menyiram pokok *Tecoma* yang ditanam. Turut kelihatan Teh Lai Heng (dua dari kiri) dan Ng Wei Aik (kiri sekali) yang turut menyempurnakan gimik majlis penanaman pokok berkaitan di sini baru-baru ini.**



# MP anggap PPSN main peranan penting

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**
Gambar : **DARWINA MOHD. DAUD**

**BATU MAUNG –** SRS Consortium yang dilantik sebagai Rakan Pelaksana Projek (PDP) bagi Pelan Induk Pengangkutan (PIP) dan kerja-kerja penambakan di bahagian selatan pulau baru-baru ini menyumbang pukat serta dua komputer riba kepada komuniti nelayan di Gertak Sanggul.

Ketika berucap, Ahli Parlimen (MP) Bayan Baru, Sim Tze Tzin berkata, Pusat Perkhidmatan Setempat Nelayan (PPSN) yang ditubuhkan oleh PDP memainkan peranan penting serta kini menerima permohonan pekerjaan daripada 279 penduduk tempatan untuk projek pemajuan di sini.

"Justeru, saya berpendapat bahawa penubuhan PPSN ini menemui objektifnya dalam memberi peluang pekerjaan di samping menyampaikan maklumat berhubung projek PIP kepada umum," katanya sebelum menyerahkan sumbangan dua komputer riba dan pukat pada majlis ringkas dekat PPSN Permatang Damar Laut di sini.

Hadir sama, Ahli Majlis bagi Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), A. Kumaresan.

Pada majlis sama, Timbalan Pengarah Projek SRS Consortium, Azmi Mohamad memberitahu, Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan & Keselamatan Komuniti (JKKK) Gertak Sanggul, Leong Kein Cheong ada memohon dua komputer riba untuk kegunaan kelas komputer anak-anak nelayan tempatan.

Jelasnya, sumbangan pukat pula adalah susulan aduan kerosakan pukat daripada wakil Unit Nelayan Sungai Batu, Azizan Yusoff, 46.

"SRS Consortium bersetuju membantu komuniti nelayan dan menyumbangkan dua unit komputer riba untuk kegunaan anak-anak nelayan di sini.

"Sumbangan ini merupakan sebahagian daripada tanggungjawab sosial korporat (CSR) SRS Consortium," jelasnya.

Dalam perkembangan lain, Azmi memberitahu bahawa pihaknya kini giat mengenalpasti lokasi sesuai untuk membina tukun tiruan, berdasarkan syor serta kehendak nelayan setempat demi menambah lagi populasi habitat laut.

**Hubungi SRS Consortium di talian 04 - 611 6199 atau berkunjung sendiri ke PPSN dari hari Isnin hingga Jumaat bermula jam 9 pagi hingga 5 petang untuk mendapatkan info lanjut mengenai PIP atau peluang pekerjaan di sini.**



**(Dari kiri), AZIZAN Yusoff, Leong Kein Cheong, Sim Tze Tzin, A. Kumaresan dan Azmi Mohamad pada majlis ringkas sumbangan komputer riba dan pukat di PPSN Permatang Damar Laut di sini baru-baru ini.**

# CCTV 'mata-mata' demi keselamatan pelajar SK Seri Aman

**AIR ITAM –** Di samping bertindak untuk mengawal kejadian kemalangan, kamera litar tertutup (CCTV) yang dipasang di hadapan Sekolah Kebangsaan (SK) Seri Aman di sini juga bakal bertindak sebagai 'mata-mata' sekiranya berlaku kejadian jenayah.

Ahli Majlis bagi Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Syerleena Abdul Rashid berkata, pemasangan satu unit CCTV di lokasi berkaitan adalah ekoran maklum balas pihak sekolah sejak tahun lalu.

"Yang di-Pertua Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) SK Seri Aman, Zamberi Hamzah pernah menyuarakan akan keperluan ini dan MBPP melihat inisiatif tersebut merupakan sesuatu yang positif terutamanya membabitkan faktor keselamatan kanak-kanak sekolah di sini.

"Ini termasuk lokasi tersebut yang dipercayai sering berlaku kemalangan," katanya ketika mengadakan lawatan ke lokasi di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Air Itam, Wong Hon Wai, Ahli Parlimen Bukit Gelugor, Ramkarpal Singh dan Jurutera Jabatan Kejuruteraan MBPP, Tuti Azmalia Azai.

Dalam pada itu, Zamberi ketika ditemui memberitahu, pemasangan CCTV di kawasan tersebut adalah sangat penting terutama dalam mengenalpasti situasi trafik, memantau kenderaan, serta merekodkan kejadian yang berlaku di kawasan sekitar.

"Sebelum ini, terdapat beberapa kes kemalangan termasuk kemalangan maut melibatkan murid sekolah di sini.

"Lebih malang lagi, ada antara mangsa yang gagal membuat tuntutan insurans akibat kekurangan bukti dan sebagainya.



**SYERLEENA Abdul Rashid (tengah) bersama-sama Wong Hon Wai (kanan sekali) dan Ramkarpal Singh (kiri sekali) mengadakan lawatan ke lokasi pemasangan CCTV di hadapan SK Seri Aman di sini baru-baru ini.**

"Jadi saya harap, dengan pemasangan CCTV ini, ia dapat menyelesaikan beberapa masalah berhubung rekod, bukti dan sebagainya," jelas beliau.

Serentak itu, Zamberi turut berterima kasih dengan sumbangan sebuah papan tanda elektronik (LED) yang diletakkan di hadapan sekolah bertujuan menyampaikan maklumat serta aktiviti sekolah oleh Ramkarpal.

Difahamkan pemasangan CCTV tersebut melibatkan kos berjumlah RM85,800 meliputi tiang, CCTV, pemasangan penghubung ke bilik pemantauan dan bayaran kontrak penyelenggaraan selama lima tahun.



**TEH Lai Heng (kiri sekali), Joseph Ng Soon Siang (kanan sekali) dan Wong Yue Harng (tengah) meneliti pelan projek parkir bertingkat Pasar Chowrasta bersempena lawatan mereka di sini baru-baru ini.**

# Parkir bertingkat Pasar Chowrasta jangka buka akhir tahun

**GEORGE TOWN –** Parkir bertingkat Pasar Chowrasta yang kini giat dinaiktaraf dijangka siap sepenuhnya menjelang akhir tahun ini.

Perkara tersebut diumumkan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Komtar, Teh Lai Heng ketika mengadakan lawatan tapak bersama-sama dua Ahli Majlis Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Joseph Ng Soon Siang dan Wong Yuee Harng baru-baru ini.

Lai Heng memberitahu, projek pembinaan membabitkan kos RM12.2 juta tersebut bakal melegakan masalah kekurangan parkir di sekitar pasar berkenaan.

"Fasiliti (parkir bertingkat) ini menyediakan sejumlah 125 petak parkir termasuk dua petak khas untuk pemandu keperluan khas atau orang kurang upaya (OKU).

"Selain itu, ia turut dilengkapkan dengan 12 petak khas untuk pemandu wanita di tingkat tiga dan tempat letak kereta jenis hibrid dengan kemudahan mengecas bateri," ujarnya.

Dalam pada itu, Soon Siang memberitahu, kadar parkir adalah percuma sehingga proses tender keseluruhan daripada MBPP kepada pihak pengurusan yang akan dilantik selesai.

Waktu operasi parkir adalah dari 5 pagi hingga 10 malam.

# Pemeriksaan kesihatan percuma, bantu penduduk tahu status kesihatan diri



ZAIRIL Khir Johari (tiga dari kanan) dan Syerleena Abdul Rashid (kanan sekali) menyantuni seorang warga emas bersempena penganjuran program pemeriksaan kesihatan secara percuma di sini baru-baru ini.

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**
Gambar : **LAW SUUN TING**

**KEBUN BUNGA** – Pusat Khidmat Ahli Parlimen Bukit Bendera, Zairil Khir Johari dengan kerjasama Jawatankuasa Kemajuan & Keselamatan Komuniti (JKKK) Ladang Hock Seng baru-baru ini mengadakan program pemeriksaan kesihatan secara percuma kepada 150 penduduk setempat sekitar Mount Erskine di sini.

Melalui program tersebut, Zairil berharap penduduk khususnya warga emas dapat mengetahui status kesihatan masing-masing serta dapat kembali mengamalkan gaya hidup sihat sebelum terlambat.

"Antara pemeriksaan utama yang dijalankan ialah berkenaan kencing manis (*diabetes*) yang sering dihidapi oleh orang Malaysia khususnya warga emas.

"Melalui pemeriksaan percuma ini, lapisan masyarakat di sini hanya perlu menghadirkan diri untuk jalani pemeriksaan dalam mengesan kehadiran diabetis.

"Jika yang sudah ada penyakit diabetis, pemeriksaan ini diharap dapat membantu individu-indiividu berkaitan mengawal bacaan paras gula di dalam darah," katanya kepada pemberita pada program komuniti tersebut di Balai Raya Ladang Hong Seng.

Pada majlis sama, Zairil turut menyantuni serta berkongsi nasihat dengan para peserta program mengenai kaedah memulakan amalan hidup sihat secara mudah dan berterusan.

Selesai program itu, Zairil turut meluangkan masa melawat komuniti Ladang Hong Seng di tempat tumpuan khalayak, seperti kedai makan sempena hujung minggu.

Hadir sama, Ahli Majlis bagi Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Syerleena Abdul Rashid.

# ADUN seru mutu aksesibiliti untuk OKU ditingkatkan

**GEORGE TOWN** – Aksesibiliti atau kebolehcapaian golongan orang kurang upaya (OKU) perlu ditingkatkan bagi memudahkan pergerakkan golongan berkaitan terutama ketika berurusan di bangunan-bangunan kerajaan.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pulau Tikus, Yap Soo Huey yang juga merupakan Pengerusi Kumpulan Tindakan Akses Pulau Pinang (PAAG) berkata, aksesibiliti adalah penting dan perlu ditingkatkan khususnya kemudahan-kemudahan awam sedia ada.

"OKU juga adalah sebahagian daripada masyarakat yang mempunyai kehidupan sendiri sama seperti orang lain.

"Sekiranya kemudahan awam yang disediakan tidak mesra OKU, maka mereka (golongan OKU) akan berasa takut untuk keluar kerana tidak boleh bergerak bebas melakukan pelbagai urusan.

"Oleh itu, mutu aksesibiliti perlu ditingkatkan di semua tempat," katanya ketika hadir pada Majlis Penutupan Bengkel Aksesibiliti OKU di sini baru-baru ini.

Selain kehadiran wakil-wakil pihak berkuasa tempatan (PBT), bengkel selama tiga hari tersebut turut dihadiri wakil-wakil persatuan dan rumah kebajikan OKU seluruh Pulau Pinang termasuk dua fasilitator berpengalaman dari Singapura.

Soo Huey dalam pada itu, menyeru agar semua pihak sepatutnya memandang serius isu aksesibiliti golongan OKU bagi mengekang sebarang kesulitan yang dihadapi golongan istimewa berkenaan.

"Memang saya ada menerima keluhan golongan tersebut yang terpaksa berdepan dengan cabaran menjalani aktiviti kerana tiada kemudahan akses yang sesuai.

"Namun, kita (Kerajaan Negeri) beri semangat kepada mereka dan meneruskan usaha memperjuangkan hak OKU dalam masyarakat termasuk menyediakan akses di bangunan-bangunan dan kemudahan awam," ujar beliau.

# Gazebo untuk rekreasi erat silaturahim penduduk



WONG Hon Wai (berbaju batik merah) dan Syerleena Abdul Rashid (empat dari kiri) bersantai bersama-sama penduduk setempat di gazebo yang baru dibina dekat Jalan Pisang Emas, Kampung Melayu di sini.

**AIR ITAM** – Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Air Itam, Wong Hon Wai menyumbang sejumlah RM20,000 melalui peruntukan kawasannya bagi membina sebuah gazebo dekat Jalan Pisang Emas, Kampung Melayu di sini.

Hon Wai berkata, pembinaan gazebo tersebut merupakan sebahagian daripada usaha bagi mewujudkan persekitaran yang bukan sahaja kondusif, malah selesa untuk didiami.

"Apabila ada gazebo ini, penduduk setempat dapat meluangkan masa untuk bersantai dan berekreasi bersama-sama keluarga atau jiran tetangga selain mengeratkan silaturahim masyarakat berbilang kaum di sini," katanya kepada pemberita sejurus mengadakan tinjauan di kawasan berkenaan baru-baru ini.

Turut sama, Ahli Majlis bagi Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Syerleena Abdul Rashid, Pengerusi Persatuan Penduduk Rumah Seratus, Yaakob Abu Bakar dan wakil Jawatankuasa Penduduk Rumah Seratus, Lim Kok Seong.

Pembinaan gazebo seluas 30 kaki persegi itu dimulakan sejak pertengahan Jun lalu dan mengambil masa kira-kira dua minggu untuk disiapkan.

# Hujan luar biasa antara punca banjir di Teluk Bahang, Bayan Lepas – KM

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar : **DARWINA MOHD. DAUD & SHUM JIAN-WEI**

**BAYAN LEPAS –** Hujan luar biasa antara punca banjir kilat yang berlaku pada 18 dan 19 Julai lalu di Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Teluk Bahang serta beberapa lokaliti lain sekitar KADUN Bayan Lepas dan Batu Maung.

Menurut Ketua Menteri Y.AB. Tuan Lim Guan Eng, purata taburan hujan di Teluk Bahang ketika itu sebanyak 250 milimeter (mm), suatu rekod yang tidak pernah berlaku sejak tahun 2008.

Menurut beliau, Kampung Paya, Kampung Suluk, Kampung Nelayan dan Kampung Masjid dekat Teluk Kumbar, Kampung Binjai dekat Bayan Lepas, Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang (PIA) dan Pekan Bayan Lepas turut dilanda banjir kilat, dengan purata taburan hujan di KADUN Bayan Lepas sebanyak 65 mm sahaja.

Berhampiran KADUN Bayan Lepas, jelas beliau, Taman Iping dekat Batu Maung turut dilanda banjir kilat serupa.

"Seperti banjir di Teluk Bahang, tak pernah berlaku pun keadaan hujan lebat yang luar biasa sebelum ini.

"(Purata taburan hujan sebanyak) 250 milimeter ini, kalau pada musim kemarau adalah jumlah taburan hujan untuk satu bulan, bukan (dalam tempoh) lima jam seperti yang berlaku di Teluk Bahang, hingga mengakibatkan banjir," katanya kepada pemberita di Bilik Gerakan Operasi Banjir & Pusat Penempatan Sementara dekat Teluk Kumbar di sini pada 19 Julai lalu.

Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Mohd. Rashid Hasnon yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pantai Jerejak, Chow Kon Yeow (Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir), Dato' Abdul Malik Abul Kassim (Exco Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna merangkap ADUN Batu Maung) dan Phee Boon Poh (Exco Kebajikan, Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar) turut sertai lawatan bersama-sama Guan Eng.

Sebelum itu, Guan Eng mendapatkan maklum balas berwajib mengenai bencana banjir daripada Pegawai Penyelaras KADUN (PPK) Bayan Lepas, Azrul Mahathir Aziz, Pegawai Daerah Barat Daya, Ederis Mat Din, Pengarah Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Negeri, Ir. Sabri Abdul Muluk, wakil Jabatan Kerja Raya (JKR) Negeri, wakil Polis Diraja Malaysia (PDRM), Ketua Unit Bahagian Bencana dan Operasi bagi Jabatan Pertahanan Awam Malaysia (JPAM) Negeri, Mohd. Aizat Abdul Ghani dan Jurutera Tetap Projek Bayan Lepas (FT006), Haji Zamri Yusof.



**KETUA Menteri sambil ditemani barisan kepimpinan Kerajaan Negeri menyampaikan sumbangan kepada salah seorang mangsa banjir, Siti Shahara Dada pada lawatan beliau di pusat pemindahan Perpustakaan Komuniti Siber Ilmu, Teluk Bahang.**

Difahamkan, sebanyak 23 keluarga dari Teluk Kumbar dan lima keluarga lain dari Teluk Bahang dipindahkan ke Pusat Penempatan Sementara di sini, dengan bantuan lima pegawai dan 10 anggota JPAM.

Menjawab soalan pemberita, Guan Eng memberitahu bahawa bantuan berwajib akan disalurkan kepada mangsa banjir sesegera mungkin, berdasarkan tatacara pengendalian piawai (SOP) yang digariskan untuk rujukan Kerajaan Negeri.

"Semua mangsa banjir kilat di Dewan Komuniti Teluk Kumbar di sini, dapat memberikan kerjasama sepenuhnya kepada Encik Aizat dan bersabar.

"Kita (Kerajaan Negeri) akan salurkan bantuan kepada mangsa mengikut SOP...ini SOP sama dan mesti diikuti, baik di peringkat Kerajaan Pusat mahupun Kerajaan Negeri," ujarnya.

**Projek Tebatan Banjir**

Pada sidang media sama, Kon Yeow memberitahu, Kerajaan Negeri Pakatan Harapan Pulau Pinang sebelum ini telahpun meluluskan beberapa projek Rancangan Tebatan Banjir (RTB) di Daerah Barat Daya.

Antaranya, menurut beliau, RM2 juta untuk RTB Lembangan Sungai Bayan Lepas dekat Kampung Binjai, RM3.175 juta untuk RTB Taman Iping dan terbaru peruntukan sebanyak RM7.2 juta RTB Sungai Teluk Kumbar.

"Pada mulanya kita (MMK Tebatan Banjir) telah meluluskan pembinaan pam tambahan di rumah pam air yang sedia ada dengan perbelanjaan RM3 juta.

"Tetapi, setelah (mendapat maklum balas daripada) jururunding yang dilantik, maka kita (Kerajaan Negeri) putuskan untuk membina rumah pam yang baru, lebih dekat dengan muara Sungai (Teluk Kumbar) dan ini telahpun menambahkan kos sebanyak RM7.2 juta.

"Pam yang digunakan adalah pam yang lebih besar, dan kita percaya dapat mengurangkan risiko banjir di beberapa kampung yang sebelum ini adalah lokaliti utama dilanda banjir, akibat air pasang," jelasnya yang juga ADUN Padang Kota.

Mengulas isu sama, Guan Eng memberitahu bahawa Kerajaan Negeri pada tahun ini memperuntukkan kira-kira RM12 juta, untuk memajukan projek RTB di negeri ini.

**Projek Pembangunan**

Selepas itu, Zamri pula memberi penjelasan mengenai punca banjir kilat di Kondominium Pavilion Resort dekat Teluk Kumbar dan flat Saujana dekat Bayan Lepas, yang terlibat dalam kerja-kerja pemajuan Projek Bayan Lepas (FT006) dan RTB di sini.

"JKR telahpun mengarahkan kita mempercepat projek ini...projek (naik taraf jalan dekat Bayan Lepas) ini akan siap pada hujung tahun depan (2017), tetapi projek pembentungan untuk air lalu dalam projek ini akan disiapkan pada hujung tahun ini," katanya kepada pemberita.

Guan Eng dalam reaksi spontan meminta penduduk setempat bersabar serta berharap projek penarafan jalan terbabit di sini segera siap.

"Apabila ia (sistem pembentungan) di Jalan Bayan Lepas ini siap pada akhir tahun ini, kita harap masalah banjir kilat di sini dapat dikurangkan," ujarnya.

**Banjir di PIA**

Mengenai banjir kilat di Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang (PIA), Sabri menjelaskan bahawa bencana di sana bukanlah berpunca oleh limpahan air dari Sungai Teluk Kumbar atau Sungai Bayan Lepas.

"Tiada limpahan air sungai ke sini (PIA)... rekabentuk lapangan terbang di sini dahulu memang hanya untuk menampung taburan hujan di sini.

"Tetapi, keadaan hujan yang terlalu lebat menyebabkan (rekabentuk) kolam takungan air yang sedia ada tidak mampu lagi menampung limpahan air dan ia mengakibatkan banjir kilat di sini," jelasnya.

Kon Yeow pula memberitahu, pihak berkuasa PIA pada tahun lalu sebenarnya ada membina kolam limpahan air banjir di kawasan jajaran pesawat mendarat, namun, projek penarafan itu seakan masih tidak berjaya menangani bencana banjir kilat di sini.

Guan Eng turut menjelaskan bahawa banjir di PIA bukanlah disebabkan limpahan air sungai, tetapi berpunca daripada masalah rekabentuk fizikal asal lapangan terbang yang sedia ada.

"Memang tiada sungai untuk air melimpah masuk ke sini (PIA), jadi, kamu (JAS) kena tanya (pihak berkuasa) Lapangan Terbang (Antarabangsa Pulau Pinang) lah," ujarnya.

Guan Eng yang juga Ahli Parlimen Bagan sekali lagi menasihatkan Kerajaan Pusat supaya menyegerakan kelulusan peruntukan berwajib untuk projek penarafan PIA, demi kepentingan rakyat Malaysia di Pulau Pinang.



**SALAH seorang kakitangan Majlis Bandaran Pulau Pinang (MBPP) melakukan kerja-kerja pembersihan.**



**PEGAWAI-pegawai Jabatan Kesihatan Negeri menjalankan pemeriksaan kesihatan terhadap mangsa-mangsa yang dipindahkan.**